

# Kesan Penahanan Imigresen Berpanjangan Terhadap Keluarga dan Komuniti Rohingya di Malaysia

Mei 2023



PRRIA Partners:



Funded by  
the European Union

Dihasilkan oleh:

**International  
Detention Coalition**  
Rights and dignity for all who migrate

**Reka bentuk oleh:**  
[www.arasd.com](http://www.arasd.com)

**Kredit foto muka depan:**  
Danish Refugee Council, Bangladesh

# Isi Kandungan

Penghargaan	1
1. Ringkasan Eksekutif	1
2. Objektif Kajian	3
3. Metodologi	3
4. Batasan Kajian	4
5. Latar Belakang	4
Statistik Terkini	4
Rangka Undang-Undang Penahanan Imigresen	5
Akses kepada Hak dan Perkhidmatan	6
Perkembangan Utama dan Peningkatan Permusuhan Terhadap Kaum Rohingya di Malaysia	7
6. Penangkapan dan Penahanan Rohingya	11
Prosedur Penangkapan dan Penahanan	11
Amalan Penangkapan dan Penahanan	12
7. Kesan Penahanan Imigresen Terhadap Rohingya	13
Kesan kepada tahanan	13
Kesan kepada Keluarga dan Komuniti	14
Kesan ke atas Reputasi Serantau dan Antarabangsa Malaysia	20
8. Cadangan	23

# Penghargaan

Laporan kajian ini merupakan hasil kerjasama antara International Detention Coalition (IDC), Danish Refugee Council (DRC), Mixed Migration Centre (MMC), Asia Displacement Solutions Platform (ADSP) dan rakan-rakan projek 'Protecting Rohingya Refugees in Asia' (PRRIA) yang lain, termasuk, Geutanyoë Foundation (GF), HOST International Malaysia dan Jesuit Refugee Service - Indonesia (JRS).

Laporan ini dikarang oleh Hannah Jambunathan dan Vivienne Chew dari IDC, dengan sokongan perunding kajian Temme Lee dan Asma Zahir Ahmed. Laporan ini telah disemak dan disunting oleh Carolina Gottardo dan Min Jee Yamada Park dari IDC, Evan Jones dan Adam Severson dari ADSP, dan Hui Yin Chuah dari MMC.

Kami juga merakamkan penghargaan kami atas sumbangan daripada wakil pakar dari organisasi pimpinan Rohingya, organisasi masyarakat sivil (CSO) Malaysia, CSO serantau dan antarabangsa, organisasi berasaskan agama serta pakar undang-undang dan dasar atas masa dan input berharga mereka untuk kajian ini.

## 1. Ringkasan Eksekutif

Pada tahun 2017, keganasan besar-besaran terhadap etnik Rohingya di Rakhine, Myanmar telah mencetuskan perhijrahan terbesar Rohingya dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Pada masa itu, kerajaan Malaysia mengambil pendirian yang kukuh dalam usaha menentang penganiayaan Rohingya, dan juga menunjukkan sokongan dan simpati terhadap nasib warga Rohingya. Walau bagaimanapun, memandangkan semakin ramai etnik Rohingya melarikan diri mengikut jalan yang tidak teratur ke Malaysia demi bersatu dengan ahli keluarga mereka dan komuniti Rohingya yang sedia ada, tahap toleransi rakyat tempatan dan politik dalam negara telah merosot. Pendekatan 'securitisation' dan 'ad-hoc' semakin menjadi dasar umum bagi kerajaan Malaysia dalam tindakan terhadap Rohingya dan komuniti pelarian lain. Ini termasuk dasar penolakan bot pelarian, serbuan penguatkuasaan imigresen yang lebih kerap, dan penahanan imigresen serta-merta, sembarangan, dan tanpa tempoh tertentu terhadap ramai orang Rohingya di Malaysia.

Kajian terdahulu telah mendokumentasikan bagaimana undang-undang dan dasar Malaysia memberi kesan terhadap Rohingya dan pelarian lain. Walau bagaimanapun, kurang perhatian telah diberikan kepada pengalaman Rohingya bawah dasar-dasar tersebut, dan tindak balas mereka akibat ancaman dari segi keselamatan dan keamanan yang dialami. Kajian ini memberi tumpuan kepada bagaimana keluarga dan komuniti Rohingya telah terjejas dalam jangka masa pendek mahupun panjang oleh dasar penahanan imigresen Malaysia yang keras dan tanpa tempoh tertentu. Ia juga mengemukakan cadangan yang strategik dan relevan untuk menambahbaik akses kepada perlindungan dan perkhidmatan bagi pelarian Rohingya di Malaysia, serta kepentingan pelaksanaan Alternatif Terhadap Tahanan (ATD), dan pendekatan berpusatkan pelarian serta pendekatan berpusatkan mangsa dalam dasar dan respons di peringkat nasional dan serantau, selaras dengan piawaian perlindungan antarabangsa dan hak asasi manusia.

Metodologi kajian ini terdiri daripada pendekatan penelitian kualitatif pelbagai kaedah menggunakan tinjauan literatur, pengumpulan data sekunder daripada borang pengambilan kes, dan temu bual separa berstruktur dengan peserta utama daripada organisasi pelarian (RLO), organisasi masyarakat sivil Malaysia (CSO), kumpulan pemikir, CSO serantau, organisasi berasaskan agama (FBO), dan organisasi hak asasi manusia antarabangsa.

Walaupun kajian ini memberi tumpuan terutamanya kepada Rohingya di Malaysia, hasil kajian menunjukkan bahawa banyak penemuan, terutama pengalaman yang berkaitan dengan dasar dan proses penahanan imigresen, berkemungkinan adalah relevan kepada kebanyakan komuniti pelarian di Malaysia. Selain itu, cadangan untuk memperbaiki dasar dan amalan imigresen ini juga akan memberi manfaat bukan sahaja kepada Rohingya, tetapi juga komuniti pelarian lain.

### Hasil Kajian Utama

- Komuniti pelarian Rohingya di Malaysia terdiri daripada individu yang pelbagai. Risiko ditahan, pengalaman ditahan secara langsung dan tidak langsung, dan keupayaan untuk mengakses perkhidmatan dan sokongan adalah berbeza dan bergantung pada tempoh mereka menetap di Malaysia; asal usul dan status keluarga di Rakhine, Myanmar; dan faktor-faktor lain seperti jantina, umur, kesihatan, latar belakang sosioekonomi dan status mereka.
- Semua pelarian mengalami risiko ditangkap dan ditahan secara sewenang-wenang di bawah undang-undang imigresen Malaysia. Namun, risiko yang dialami oleh Rohingya adalah lebih tinggi berbanding dengan komuniti pelarian lain. Antara sebab utamanya ialah mereka merupakan komuniti pelarian terbesar di Malaysia.
- Menurut dokumen imigresen dalaman, pelarian Rohingya yang berhijrah ke Malaysia dari Bangladesh mengalami risiko ditahan untuk tempoh berpanjangan yang lebih tinggi berbanding dengan pelarian Rohingya yang berhijrah terus dari Myanmar, atau Rohingya yang telah lama tinggal di Malaysia.
- Dasar penahanan imigresen Malaysia mempunyai kesan jangka sederhana dan panjang terhadap keluarga dan komuniti Rohingya. Rohingya yang ditahan menghadapi risiko besar dari segi penderaan fizikal dan psikologi yang boleh mengakibatkan trauma dan cabaran dari segi kesihatan mental. Bagi kanak-kanak khususnya, penahanan imigresen boleh memberi kesan yang memudaratkan dan berpanjangan ke atas perkembangan dan kesejahteraan fizikal dan mental mereka.





- Anggota keluarga Rohingya yang ditahan juga mengalami tekanan psikologi yang ketara. Punca tekanan adalah disebabkan kebimbangan terhadap kesejahteraan ahli keluarga mereka yang ditahan, ketakutan dan kebimbangan tentang risiko penangkapan yang meningkat, dan akses kepada dokumentasi dan perlindungan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) yang terhad.
- Penahanan imigresen mempunyai kesan yang mendalam terhadap struktur keluarga akibat pemisahan ahli-ahli keluarga, dan secara tidak langsung akan menyebabkan keretakan hubungan dalam sesebuah keluarga.
- Penahanan imigresen memberi kesan yang lebih besar kepada wanita atas faktor-faktor yang berbeza, serta amalan patriarki dalam komuniti Rohingya, dan kedudukan sosial dan ekonomi wanita dalam komuniti.
- Antara respons terhadap penahanan komuniti Rohingya ialah: a) mendapatkan bantuan daripada UNHCR atau NGO yang relevan untuk melindungi ahli komuniti yang telah ditahan serta ahli komuniti lain yang menghadapi risiko besar ditahan; b) menggunakan rangkaian komuniti untuk memberi amaran dan perlindungan kepada komuniti Rohingya; c) berusaha untuk membebaskan tahanan; dan d) memberi sokongan kepada ahli keluarga tahanan dari segi keperluan asas mereka.
- Dasar dan amalan penahanan imigresen Malaysia adalah tidak selaras di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Ini memberi kesan yang negatif terhadap reputasi antarabangsa Malaysia.
- Penahanan imigresen adalah memudaratkan kepada individu, keluarga dan komuniti. Ia bukan satu langkah pencegahan yang berkesan, dan juga memberi bebanan kewangan yang besar kepada pembayar cukai dan ekonomi Malaysia. Tambahan pula, mengikut undang-undang yang sedia ada, tidak ada peruntukan yang boleh digunakan sebagai justifikasi untuk menghantar orang tanpa kewarganegaraan seperti Rohingya ke negara asal mereka.
- ATD adalah bermanfaat kepada pelarian dan pihak kerajaan kerana ia memberikan kesan-kesan positif seperti menambahkan kesihatan dan kesejahteraan tahanan, mematuhi piawaian hak asasi manusia, dan merupakan tadbir urus migrasi yang berkesan. Selain itu, ATD adalah lebih kos efektif berbanding dengan tahanan imigresen.
- Penyelarasan dan kerjasama seluruh kerajaan termasuk kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan Malaysia yang lain adalah penting bagi menyumbang kepada dasar yang komprehensif dalam isu-isu berkaitan dengan Rohingya dan komuniti pelarian lain. Selanjutnya, kerjasama erat sesama masyarakat sivil, RLO, agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan CSO serantau dan antarabangsa diperlukan dalam usaha untuk menamatkan dasar dan amalan penahanan imigresen yang memudaratkan.

## Cadangan-cadangan Utama

Mengikut hasil kajian utama di atas, lapan cadangan diberikan bagi menggalakkan pendekatan ‘Whole-of-Government’ dan ‘Whole-of-Society’ dalam usaha menangani isu penahanan imigresen.

Cadangan	Langkah dasar	Pihak berkepentingan
1. Hentikan penahanan imigresen Rohingya dan komuniti pelarian lain	a. Mengecualikan pelarian dan pemohon suaka daripada tangkapan dan penahanan di bawah Akta Imigresen 1959/63 b. Membenarkan UNHCR akses kepada tahanan di pusat tahanan imigresen, bagi tujuan mengenal pasti, mendaftar, dan melindungi pelarian dan pemohon suaka	Kerajaan Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri</li> <li>○ Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri</li> </ul>
2. Menerajui pembangunan dan pelaksanaan ATD berasaskan komuniti	a. Melaksanakan inisiatif ATD yang sedia ada termasuk cadangan untuk membebaskan kanak-kanak dari tahanan imigresen dan program perintis ATD bagi semua kanak-kanak termasuk Rohingya yang tidak ditemani atau terpisah dari penjaga mereka b. Melabur dalam pembangunan rangka kerja pemantauan dan penilaian yang jelas dalam inisiatif ATD serta fokus kepada kepentingan terbaik kanak-kanak c. Memastikan inisiatif ATD merangkumi semua kanak-kanak dalam tahanan imigresen dan mengembangkan ATD untuk merangkumi pihak lain yang dalam situasi kerentanan, contohnya pemohon suaka dan orang yang mempunyai masalah kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan Malaysia:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri</li> <li>○ Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</li> <li>○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri</li> </ul> </li> <li>● Masyarakat sivil yang memberi perkhidmatan kepada pelarian, pendatang, kanak-kanak dan belia</li> <li>● Agensi PBB, iaitu Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR), Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), dan UNHCR</li> </ul>
3. Membangunkan dan melaksanakan dasar pelarian yang telus dan komprehensif	a. Mempercepatkan proses pendaftaran Rohingya dan komuniti pelarian lain b. Meningkatkan keselarasan dasar mengenai prosedur penangkapan dan penahanan pelarian dan pemohon suaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan Malaysia:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kementerian Dalam Negeri</li> <li>○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri</li> </ul> </li> <li>● UNHCR</li> </ul>
4. Memanfaatkan pengajaran yang diperoleh daripada negara-negara yang serupa, terutamanya di ASEAN, dan meneruskan penglibatan serantau dan antarabangsa untuk meningkatkan penyelarasan dan mendapatkan sumber tambahan	a. Meningkatkan usaha pembelajaran rakan sebaya dengan mengambil bahagian dalam platform, seperti aliran kerja ATD oleh United National Network on Migration Working Group dan Regional Platform ATD b. Membina kerjasama serantau bagi menyokong pendekatan berasaskan hak dan advokasi serantau mengenai isu Rohingya, dan tadbir urus migrasi	Kerajaan Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kementerian Dalam Negeri</li> <li>○ Kementerian Luar Negeri</li> <li>○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri</li> <li>○ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</li> </ul>



5.	Memberi hak bekerja kepada Rohingya dan komuniti pelarian lain	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memberi hak bekerja serta status sah atau visa sementara kepada pelarian</li> <li>Membangunkan program pekerjaan pelarian melalui rundingan dengan komuniti pelarian, RLO dan CSO, dan mengenal pasti sektor ekonomi yang sepadan dengan profil kemahiran Rohingya dan komuniti pelarian lain</li> <li>Memastikan mekanisme perlindungan buruh diguna pakai secara sama rata bagi Rohingya dan komuniti pelarian lain</li> </ol>	<p>Kerajaan Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kementerian Sumber Manusia</li> <li>○ Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri</li> <li>○ Kementerian Dalam Negeri</li> </ul>
6.	Memperkuatkan rangka kerja dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan jantina ('gender responsive') kepada Rohingya dan komuniti pelarian lain	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengamalkan pengarusutamaan jantina ('gender mainstreaming') dan pendekatan responsif jantina ('gender responsive') dalam dasar dan amalan</li> <li>Memansuhkan arahan yang mewajibkan kakitangan di pusat kesihatan awam untuk melaporkan pesakit tanpa dokumen kepada imigresen</li> <li>Mewujudkan protokol yang menghalang polis daripada menangkap wanita pelarian yang melaporkan keganasan seksual dan berasaskan jantina (SGBV)</li> <li>Menyediakan latihan responsif jantina yang mantap dan teratur untuk pegawai kerajaan</li> </ol>	<p>Kerajaan Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kementerian Dalam Negeri</li> <li>○ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</li> <li>○ Kementerian Kesihatan</li> <li>○ Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri</li> <li>○ Masyarakat sivil yang memberi perkhidmatan kepada pelarian, pendatang, kanak-kanak dan belia</li> </ul>
7.	Melibatkan pelbagai pihak di semua peringkat untuk memastikan penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan kerjasama dan dialog antara kerajaan, masyarakat sivil, RLO, suruhanjaya hak asasi manusia negara, organisasi antarabangsa, sektor swasta</li> <li>Menggunakan mekanisme sedia ada termasuk Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia dan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan Malaysia</li> <li>● Masyarakat sivil</li> <li>● Pertubuhan yang dipimpin oleh pelarian</li> <li>● Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan</li> <li>● Agensi PBB</li> <li>● Pertubuhan serantau dan antarabangsa</li> <li>● Sektor swasta</li> </ul>
8.	Melabur dalam peningkatan kesedaran dan pemahaman orang ramai tentang isu pelarian, dan dalam menangani sebaran maklumat yang mengelirukan atau salah, dan ucapan benci terhadap pelarian	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menangani sebaran maklumat salah tentang pelarian untuk menangani xenofobia terhadap pelarian Rohingya</li> <li>Menganjurkan inisiatif perpaduan sosial yang menggalakkan peningkatan persefahaman dan penerimaan antara komuniti hos dan pelarian</li> <li>Mengeratkan hubungan dengan media untuk menggalakkan pelaporan yang tepat dan progresif mengenai pelarian</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan Malaysia iaitu Kementerian Komunikasi dan Digital</li> <li>● Masyarakat sivil</li> <li>● Organisasi berasaskan kepercayaan</li> <li>● Agensi PBB</li> <li>● Pertubuhan serantau dan antarabangsa</li> </ul>

## 2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan oleh International Detention Coalition (IDC) untuk projek 'Protecting Rohingya Refugees in Asia' (PRRiA), sebuah inisiatif daripada Danish Refugee Council, Asia Displacement Solutions Platform, Mixed Migration Centre, Jesuit Refugee Service - Indonesia, HOST International Malaysia dan Geutanyoë Foundation (GF).

Matlamat utama kajian ini adalah untuk memahami dan mendokumentasikan kesan penahanan imigresen terhadap keluarga Rohingya dan komuniti terdekat mereka, serta merumuskan cadangan strategik untuk pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat di peringkat kebangsaan dan serantau bagi meningkatkan akses kepada perlindungan dan perkhidmatan kepada pelarian Rohingya di Malaysia.

## 3. Metodologi

Metodologi kajian ini terdiri daripada pendekatan penelitian kualitatif pelbagai kaedah termasuk tinjauan literatur, pengumpulan data sekunder daripada borang pengambilan kes, dan temu bual separa berstruktur dengan peserta utama daripada organisasi pelarian (RLO), organisasi masyarakat sivil Malaysia (CSO), kumpulan pemikir, CSO serantau, organisasi berasaskan agama (FBO), dan organisasi hak asasi manusia antarabangsa. Pengumpulan data telah dijalankan antara Januari dan Mac 2023. Pengesahan hasil kajian telah dijalankan melalui proses triangulasi, dan semakan rakan sebaya termasuk peserta utama yang ditemu bual dan peninjau internal daripada International Detention Coalition dan rakan-rakan kongsi projek PRRiA untuk memastikan kualiti dan ketepatan penemuan.

Tinjauan literatur melibatkan data sekunder dan penerbitan dari pelbagai sumber – akademia, masyarakat sivil, media, dan pihak kerajaan. Sumber-sumber ini memaklumkan analisis awal rangka kerja undang-undang dan dasar semasa yang berkaitan dengan status Rohingya di Malaysia, termasuk akses kepada perlindungan dan perkhidmatan, hak kerja, dan penahanan imigresen, serta kesan langsung dan kesan jangka panjang penahanan imigresen terhadap keluarga dan komuniti Rohingya. Kenyataan dasar terbaharu dari wakil kerajaan juga dikumpul melalui media dan sumber parlimen.

Data sekunder juga diperolehi melalui borang pengambilan kes dari sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam peruntukan bantuan kemanusiaan dan advokasi di Malaysia. Tempoh masa borang-borang pengambilan kes ini adalah dari Januari 2022 hingga Februari 2023. Ia mengandungi pengalaman pelarian Rohingya yang telah ditangkap dan ditahan, serta kesukaran yang dihadapi oleh keluarga dan ahli komuniti mereka di luar tahanan. Persetujuan telah diperolehi dari pihak berkaitan sebelum data ini diguna pakai dalam kajian ini.



Pasukan kajian menjalankan temu bual separa berstruktur dengan 15 wakil dari organisasi komuniti Rohingya, CSO Malaysia dan badan pemikir, CSO serantau, FBO, dan organisasi hak asasi manusia antarabangsa yang terlibat dalam perkhidmatan dan advokasi untuk Rohingya. Temu bual ini memberikan pandangan mengenai realiti dan cabaran yang dihadapi masyarakat Rohingya di Malaysia, serta analisis dasar kerajaan Malaysia yang berkaitan dengan pelarian Rohingya.

Penyelidik kajian ini telah membuat keputusan untuk tidak menemu bual keluarga dan komuniti Rohingya mengenai pengalaman mereka. Ini adalah disebabkan isu etika yang mungkin timbul dalam temu bual dengan komuniti dalam situasi kerentanan. Selain risiko ditahan, komuniti tersebut juga mungkin akan terdedah kepada trauma akibat kekurangan sokongan psikososial. Maklumat dalam borang pengambilan kes telah digunakan untuk memahami perspektif Rohingya yang terjejas oleh penahanan secara langsung atau tidak langsung.

Sebelum menjalankan temu duga, cadangan kajian, termasuk panduan temu duga, haelian maklumat untuk peserta, borang persetujuan, dan protokol kajian telah disemak dan diluluskan oleh Ethics Consultative Services for Marginalised Population (ECS-MP), sebuah lembaga penilaian etika merdeka di Medical Humanities and Ethics Unit di Universiti Malaya.

## 4. Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini.

- Rohingya yang terjejas tidak ditemu bual secara langsung mengenai pengalaman mereka dalam tahanan. Temu bual mendalam dengan wakil organisasi komuniti Rohingya, NGO dan FBO; dan data yang diperoleh daripada borang pengambilan kes menghasilkan naratif yang jelas dan tema lazim. Walau bagaimanapun, disebabkan profil dan bilangan peserta utama yang terhad, trend yang lebih meluas mengenai kesan penahanan tidak dapat diterokai.
- Memandangkan data pengambilan kes yang digunakan dalam kajian ini adalah hasil kerja satu organisasi dalam tempoh satu tahun, kes-kes ini tidak semestinya mewakili pengalaman kes tahanan di Malaysia secara keseluruhan. Namun, data itu menawarkan pandangan yang luas mengenai realiti hidup Rohingya dan membolehkan pasukan penyelidik mengenal pasti corak merentasi kes. Hasil kajian daripada data pengambilan kes telah ditriangulasi dan disahkan melalui temu bual dengan peserta utama dan tinjauan literatur untuk memastikan hasil tersebut relevan komuniti Rohingya secara luas.
- Analisis trend dan amalan penahanan adalah terhad kerana kerajaan Malaysia tidak menerbitkan data terpesong mengenai penahanan imigresen. Data mengenai penahanan imigresen biasanya diperolehi melalui sesi soal jawab parlimen. Data yang diperolehi kadangkala dibahagikan secara meluas mengikut umur, jantina, kewarganegaraan, dan etnik. Walau bagaimanapun, data terpesong mengenai profil tahanan pelarian contohnya data tentang status kesihatan, ketidakupayaan, orientasi seksual, status sah, status pekerjaan, celik huruf atau sosio-ekonomi, tidak dapat diakses.
- Kajian ini juga terbatas dengan keengganan pihak kerajaan Malaysia untuk mengambil bahagian dalam temu bual. Walaupun beberapa percubaan untuk menghubungi pegawai kerajaan - khususnya, dari Jabatan Imigresen, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Luar Negeri, dan Majlis Keselamatan Negara - semuanya sama ada tidak memberi tindak balas atau menolak permintaan temu duga. Selain itu, majoriti peserta yang ditemu bual meminta untuk kekal tanpa nama, atas kebimbangan bahawa mereka atau komuniti Rohingya mungkin menghadapi padah daripada kerajaan Malaysia atas penyertaan mereka dalam kajian ini.
- Tempoh masa kajian ini yang menjangkau 10 minggu adalah terhad dan juga memberi kesan kepada kajian ini disebabkan batasan atas skop pengumpulan data dan analisis.

## 5. Latar Belakang

### Statistik Terkini

Setakat akhir Mac 2023, terdapat 185,760 pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia; daripada jumlah ini, kira-kira 107,430 adalah Rohingya.<sup>1</sup> Ini tidak termasuk pelarian dan pemohon suaka yang belum mendaftar dengan UNHCR, dianggarkan kira-kira setengah juta orang.<sup>2</sup>

Seperti yang dinyatakan di atas, kerajaan Malaysia tidak menerbitkan data berasingan mengenai bilangan kanak-kanak, wanita dan lelaki di pusat tahanan imigresen. Data yang diperolehi melalui sesi soal jawab parlimen atau ulasan oleh pegawai kerajaan dalam media menunjukkan bahawa setakat 29 Januari 2023, sejumlah 15,845 orang berada dalam tahanan imigresen, termasuk 11,983 lelaki, 2,683 wanita, 656 kanak-kanak lelaki, dan 523 kanak-kanak perempuan. Daripada jumlah itu, 4,424 adalah warga Myanmar, termasuk Rohingya.<sup>3</sup> Tiada pecahan lanjut yang sedia ada untuk mengenal pasti bilangan tertentu warga Rohingya dalam tahanan.

1 UNHCR (2023) *Figures at a Glance in Malaysia*.

2 Sukhani, P. (2020) *The Shifting Politics of Rohingya Refugees in Malaysia*. *The Diplomat*.

3 Soalan No. 14, Notis Jawapan Lisan dalam Mesyuarat Pertama Dewan Rakyat, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas, 2 Mac 2023.

Pusat tahanan imigresen di Malaysia tidak mempunyai mekanisme pemantauan atau pengawasan bebas. Keadaan di pusat tahanan diketahui teruk dan mengancam nyawa, seperti yang diterangkan dalam bahagian “*Kesan Penahanan Imigresen ke atas Rohingya*” di bawah. Antara tahun 2014 dan pertengahan 2022, 568 kematian dilaporkan di pusat tahanan imigresen.<sup>4</sup> 153 orang, termasuk tujuh kanak-kanak telah meninggal dunia dalam tahanan imigresen dalam tahun 2022. Jumlah kematian dalam tahun 2022 adalah hampir sama dengan jumlah kematian (151) yang dicatatkan dalam tempoh tiga tahun antara 2016 dan 2019.<sup>5</sup> Kerajaan telah melaporkan bahawa sepanjang tempoh 2015 dan pertengahan 2022, Covid-19, tuberkulosis, penyakit jantung, penyakit buah pinggang, radang paru-paru, dan kanser adalah antara punca kematian orang dalam tahanan imigresen.<sup>6</sup> Tiada maklumat lanjut mengenai punca kematian adalah tersedia untuk umum.<sup>7</sup>

## Rangka Undang-Undang Penahanan Imigresen

Undang-undang negara Malaysia tidak memberikan perlindungan khusus untuk pelarian dan pemohon suaka, dan Malaysia juga tidak menandatangani Konvensyen berkaitan Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967. Akta Imigresen Malaysia 1959/63 telah dipinda pada tahun 1997 dan 2002 untuk merangkumi hukuman yang lebih berat bagi kesalahan imigresen. Namun, tidak ada usaha dari kerajaan Malaysia untuk memastikan Akta Imigresen selaras dengan undang-undang dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

Sebaliknya, sesiapa yang memasuki atau tinggal secara tidak sah dalam Malaysia, termasuk pelarian dan pemohon suaka, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 (€2,081),<sup>8</sup> dan/atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun, serta tidak lebih daripada enam sebatan rotan.<sup>9</sup> Selain hukuman penjara, hukuman sebat dikenakan sebagai hukuman bagi lelaki dewasa. Ini dikira penyiksaan dan penganiayaan mengikut piawaian undang-undang antarabangsa, dan terbukti memberikan kesan fizikal dan psikologi yang teruk terhadap pelarian dan pendatang di Malaysia.<sup>10</sup>

Satu kes domestik pada tahun 2020 menunjukkan terdapatnya penolakan hukuman sebat atas pelarian. Mahkamah Tinggi Alor Setar di Kedah menolak keputusan mahkamah rendah untuk mengenakan hukuman sebat selain hukuman penjara tujuh bulan bagi sekumpulan lelaki Rohingya yang didapati menyalahi undang-undang kerana memasuki Malaysia dengan bot.<sup>11</sup> Dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa hukuman sebat adalah tidak berperikemanusiaan kerana lelaki itu adalah pelarian dan tidak mempunyai sejarah jenayah atau keganasan sebelum ini.<sup>12</sup> Walaupun keputusan positif diberi dalam kes ini, hukuman sebat masih dibenarkan di bawah Akta Imigresen, dan lelaki pelarian dan pendatang di Malaysia masih berisiko untuk dikenakan hukuman sebat.

Pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR mempunyai status de facto di Malaysia, di mana status tersebut hanya memberi mereka perlindungan yang tidak tertentu dan ad hoc terhadap penangkapan, penahanan, dan pengusiran. Pekeliling Peguam Negara<sup>13</sup> dan Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23 (MKN 23) merupakan dua dasar yang memaklumkan status de facto pemegang kad UNHCR ini. Dasar ini tidak tersedia untuk umum, belum dikodifikasikan dan juga digunapakai secara tidak konsisten. Perancangan untuk mengulas MKN 23 kononnya telah dijalankan selama beberapa tahun, dan dijangka akan dibentangkan kepada Kabinet Malaysia untuk kelulusan. Namun begitu, disebabkan pilihan raya pada November 2022 dan kerajaan perpaduan yang baru ditubuhkan yang masih mencari rentaknya, status pembentangan ulasan tersebut kini masih tergantung.

Prosedur UNHCR mengenai pendaftaran bagi penentuan status pelarian (RSD) telah berubah sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Prosedur UNHCR semasa mewajibkan pemohon suaka mendaftar melalui borang dalam talian di laman web UNHCR.<sup>14</sup> Setelah borang ini dihantar, maklumat pendaftaran mereka akan dimasukkan ke pangkalan data UNHCR dan pemohon suaka yang berdaftar akan diberi nombor rujukan, di mana mereka dinasihatkan oleh UNHCR untuk menyimpan dan menunjukkannya kepada pihak berkuasa sebagai bukti mereka telah berdaftar dan tengah menunggu temuduga RSD. Namun, keberkesanan penggunaan nombor rujukan ini dalam mengelakkan penangkapan masih tidak jelas. Walaupun sistem pendaftaran UNHCR telah berubah ke atas talian, proses pendaftaran RSD masih terjejas disebabkan tunggakan kes-kes pendaftaran sejak COVID-19.

Menteri Dalam Negeri dan Ketua Pengarah Imigresen mempunyai budi bicara berkanun untuk mengecualikan orang daripada hukuman di bawah Akta Imigresen tetapi ini jarang dilakukan. Khususnya, Seksyen 55 Akta Imigresen memberi Menteri Dalam Negeri kuasa budi bicara untuk mengecualikan mana-mana orang atau kelas tertentu dari penguatkuasaan Akta. Di bawah seksyen ini, Menteri Dalam Negeri boleh mengecualikan penguatkuasaan Akta atas syarat-syarat tertentu, terutamanya bagi kesalahan masuk ke Malaysia secara tidak sah. Perintah pengecualian ini juga disertai hak untuk tinggal dalam negara ini secara sah.<sup>15</sup> Ketua Pengarah Imigresen juga mempunyai kuasa budi bicara bawah Seksyen 27(1)(ii) Akta tersebut untuk membebaskan seseorang yang haknya untuk memasuki Malaysia masih dalam siasatan.

4 Soalan No. 40, Notis Jawapan Lisan dalam Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas, 28 Julai 2022.

5 Amnesty International Malaysia (2020) [Government must be accountable for deaths in detention centres](#).

6 Soalan No. 92, Notis Jawapan Lisan dalam Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas, 19 Julai 2022

7 Soalan No. 50, Notis Jawapan Lisan dalam Mesyuarat Pertama Dewan Rakyat, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas, 21 Februari 2023.

8 Ini, dan semua penukaran selepas ini adalah berdasarkan kadar pertukaran 1 Euro = RM 4.80 pada 31 Mac 2023.

9 Seksyen 6(3) Akta Imigresen 1959/63.

10 Amnesty International (2010) [Malaysia: A blow to humanity: Torture by judicial caning in Malaysia](#)

11 Reuters (2020) [Malaysia spares Rohingya refugees from caning](#).

12 Satu lagi kes yang perlu diberi perhatian ialah Tun Naing Oo v PP [2009] 6 CLJ 490, di mana mahkamah menyatakan bahawa hukuman sebat dikhaskan hanya untuk jenayah yang melibatkan keganasan dan kekejaman, dan ia tidak berperikemanusiaan dan tidak bertujuan untuk mengenakan hukuman sebat ke atas pelarian atau pemohon suaka.

13 Pekeliling Jabatan Peguam Negara 2005 menetapkan bahawa mereka yang berdaftar dengan UNHCR pada masa penangkapan tidak boleh didakwa atas kesalahan imigresen. (UN High Commissioner for Refugees (UNHCR); UN High Commissioner for Refugees (2018) [Submission by the United Nations High Commissioner for Refugees for the Office of the High Commissioner for Human Rights 'Compilation Report Universal Periodic Review: Malaysia](#).

14 Rakan kongsi NGO UNHCR boleh membuat rujukan untuk pelarian yang tidak berdaftar yang berada dalam situasi kerentanan.

15 Beberapa perintah pengecualian telah dikeluarkan untuk mengecualikan kumpulan tertentu daripada kemasukan yang menyalahi undang-undang. Perintah ini termasuk: Perintah Imigresen dan Pasport (Pengecualian) 1997; Perintah Imigresen dan Pasport (Pengecualian) (No.2) 1992; Perintah Imigresen (Pengecualian) (Pencari Suaka) 2011; dan Perintah Pasport (Pengecualian) (Pencari Suaka) 2011. Dua perintah terakhir telah diwujudkan untuk membenarkan orang dalam kelas tertentu untuk tinggal di Malaysia Barat dan dikecualikan daripada pendakwaan di bawah Seksyen 6(1) Akta Imigresen sementara menunggu penempatan semula ke Australia. Walau bagaimanapun, arahan itu tidak pernah dilaksanakan.



Selain daripada pelaksanaan undang-undang dan dasar Malaysia yang tidak konsisten, serta ketidakselarasan dengan piawaian undang-undang kemanusiaan dan hak asasi manusia antarabangsa, terdapat jurang dalam undang-undang berkaitan dengan penahanan imigresen di Malaysia, dan khususnya penahanan pelarian, kanak-kanak, dan orang lain dalam situasi kerentanan:

- Selain daripada mangsa pemerdagangan yang diiktiraf, undang-undang imigresen Malaysia tidak membezakan antara kanak-kanak dan orang dewasa, dan tidak mengecualikan orang dalam situasi kerentanan daripada penalti. Pusat tahanan imigresen tidak mempunyai proses yang formal untuk penilaian umur kanak-kanak. Sebaliknya, umur dinilai mengikut penampilan dan perawakan fizikal. Di sesetengah pusat tahanan di mana kanak-kanak ditinggalkan dari orang dewasa, definisi kanak-kanak adalah tidak konsisten: sesetengah pusat tahanan menentukan kanak-kanak sebagai mereka di bawah 18 tahun, sedangkan di tempat lain, orang di bawah 12 tahun ditentukan sebagai kanak-kanak.
- Peruntukan khas bawah peraturan imigresen mengenai penahanan kanak-kanak menyatakan bahawa kanak-kanak di bawah umur 12 tahun akan ditahan bersama ibu atau bapa mereka, selalunya dengan ibu mereka. Bagaimanapun, apabila kanak-kanak itu mencapai umur 13 tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, mereka akan dipisahkan daripada ibu mereka dan ditempatkan di pusat penahanan dewasa bersama banduan lelaki lain yang mungkin tidak berkaitan atau tidak dikenali. Kanak-kanak perempuan yang mencapai umur 13 tahun akan kekal dalam pusat penahanan wanita. Kanak-kanak bawah umur yang berseorangan tanpa diiringi ibu bapa mereka akan ditempatkan di pusat tahanan mengikut jantina mereka tanpa perlindungan khusus lain.<sup>16</sup>
- Peruntukan undang-undang imigresen tidak menetapkan tempoh maksimum bagi penahanan imigresen.<sup>17</sup> Sebaliknya, seseorang boleh ditahan “selama tempoh yang tidak tentu” sebelum disingkirkan dari Malaysia.<sup>18</sup> Bagi Rohingya yang tidak memiliki kewarganegaraan, risiko penahanan tanpa tempoh tertentu jauh lebih tinggi, terutamanya bagi mereka yang belum berdaftar dengan UNHCR Malaysia. Tambahan lagi, UNHCR tidak dapat akses pusat penahanan imigresen sejak Ogos 2019.
- Saluran sedia ada dalam sistem pentadbiran atau keadilan yang boleh digunakan untuk mengemukakan rayuan terhadap penahanan bawah Akta Imigresen adalah terhad. Seksyen 59 Akta Imigresen 1959/63 secara khusus menyekat seseorang individu dari perbicaraan oleh Menteri atau Ketua Pengarah berkenaan dengan apa-apa perkara bawah Akta Imigresen, seksyen 59A menyekat semakan kehakiman terhadap apa-apa tindakan atau keputusan kecuali yang berkaitan dengan pematuan protokol.

## Akses kepada Hak dan Perkhidmatan

Kini, pelarian Rohingya, pelarian lain dan pemohon suaka mempunyai akses yang terhad kepada kemudahan kesihatan yang berpatutan dan selamat kerana mereka dikehendaki membayar kadar “warga asing” yang lebih tinggi di pusat kesihatan awam. Walaupun diskaun sebanyak 50% diperuntukkan kepada pemegang dokumentasi UNHCR, kebanyakan orang tetap tidak mampu membayar.<sup>19</sup> Warga yang belum berdaftar dengan UNHCR Malaysia perlu membayar kadar penuh warga asing di kemudahan kesihatan awam. Halangan lain untuk mengakses kemudahan kesihatan termasuk masalah keselamatan dan perlindungan. Pada tahun 2001, Kementerian Kesihatan mengeluarkan pekeliling yang mewajibkan semua kakitangan kemudahan kesihatan awam untuk melaporkan orang yang tidak berdokumen semasa mereka mendapat rawatan di kemudahan kesihatan awam.<sup>20</sup> Akibatnya, pelarian yang tidak berdaftar dan pemohon suaka ditangkap semasa mendapatkan rawatan perubatan, termasuk wanita yang ditahan sejurus selepas bersalin.<sup>21</sup> Selain itu, halangan bahasa dan celik kesihatan yang lemah boleh mengakibatkan akses kemudahan kesihatan bertambah buruk.

Pelarian dan pemohon suaka tidak mempunyai hak bekerja secara sah di Malaysia; akibatnya, ramai yang bekerja di sektor tidak formal di mana mereka terdedah kepada risiko eksploitasi oleh majikan mereka. Pada Mac 2017, kerajaan Malaysia memulakan projek perintis berskala kecil untuk membolehkan pelarian Rohingya bekerja secara sah dalam sektor perladangan dan pembuatan. Walau bagaimanapun, perintis ini tidak berjaya, disebabkan oleh kadar pengekalan yang lemah akibat perundangan yang tidak mencukupi dengan komuniti Rohingya dan pihak berkepentingan lain.<sup>22</sup>

Kanak-kanak Rohingya serta pelarian dan pemohon suaka lain tidak mempunyai hak untuk memperoleh pendidikan awam di Malaysia. Satu-satunya pilihan mereka adalah sistem pendidikan alternatif, pusat pembelajaran tidak rasmi atau madrasah yang ditubuhkan oleh masyarakat Rohingya sendiri, atau pusat pembelajaran NGO. Pusat-pusat pembelajaran alternatif ini sering tidak berdaftar secara rasmi serta mengalami isu kekurangan dana dan sumber.<sup>23</sup>

Sebahagian besar Rohingya tidak dapat mengakses bantuan perkhidmatan nasihat guaman percuma kerajaan, dan ramai terpaksa untuk bergantung pada perkhidmatan pro bono. Walau begitu, kekurangan pampasan untuk peguam dan lokasi terpencil mahkamah imigresen merupakan cabaran dalam akses khidmat nasihat undang-undang dalam amalan.<sup>24</sup>

16 Peraturan 11 Peraturan-peraturan Imigresen 2003 (Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen)

17 Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 34(1)

18 Ini bertentangan dengan prinsip antarabangsa non-refoulement, kerana tidak ada perbezaan yang dibuat di bawah rangka kerja undang-undang Malaysia untuk mengenal pasti pelarian dan pemohon suaka.

19 Pekeliling 2006 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan menyatakan bahawa pelarian yang diiktiraf UNHCR perlu dikenakan diskaun 50% daripada yuran warga asing untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital kerajaan. Pada tahun 2018, ini diperluaskan kepada semua Persons of Concern yang memegang dokumentasi UNHCR; Kementerian Kesihatan (2006) [Circulate Letter No. 1 of 2006 – Medical Treatment Charges for Refugees Legally Registered with the United Nations High Commissioner for Refugee Affairs](#); Kementerian Kesihatan (2019) [Circulate Letter No. 2 of 2019 - Guidelines for the Implementation of the Fees \(Medical\) \(Cost of Services\) Order 2014](#)

20 Kementerian Kesihatan Malaysia, (2001) [Circulate Letter No. 10 of 2001 - Guidelines on Reporting Illegal Immigrants seeking Treatment at Government Hospitals and Clinics](#)

21 Loganathan T, Chan Z.X, de Smalen A.W, Pocock N.S. (2020) [Migrant Women's Access to Sexual and Reproductive Health Services in Malaysia: A Qualitative Study](#). International Journal of Environmental Research and Public Health

22 Free Malaysia Today (2022) [Govt didn't help Rohingya assimilate with general population, says Kula](#)

23 Temubual dengan HOST International Malaysia, 30 Januari 2023

24 Danish Refugee Council (2022) [Refugee Protection, Human Smuggling, and Trafficking in Bangladesh and Southeast Asia](#).



### Organisasi Komuniti Rohingya di Malaysia

Komuniti Rohingya di Malaysia cenderung untuk menetap secara berkumpulan mengikut komuniti mereka di Myanmar. Ini disebabkan oleh hubungan kekeluargaan yang sedia ada dan hubungan kaum dalam kalangan komuniti Rohingya di Malaysia dan Myanmar. Pemimpin-pemimpin komuniti Rohingya sering dipilih berdasarkan beberapa kriteria tidak rasmi. Pemimpin selalunya adalah lelaki yang lebih tua dan telah tinggal di Malaysia dalam tempoh masa yang lama dan mempunyai keupayaan untuk mengatasi halangan bahasa. Biasanya, pemimpin komuniti Rohingya turut memegang peranan sebagai pihak berkuasa agama seperti ustaz atau imam tempatan. Khususnya, kriteria utama pemimpin komuniti Rohingya adalah perhubungannya dalam komuniti, hubungan dengan NGO, dan dengan pihak penguatkuasa Malaysia.<sup>25</sup> Pemimpin-pemimpin masyarakat lazimnya berkomunikasi antara satu sama lain dan dengan masyarakat jiran yang lain. Mereka juga sering berhubung dengan NGO untuk mendapatkan sokongan jika perlu, seperti bantuan kewangan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan. Peserta yang ditemuduga juga melaporkan bahawa ramai pemimpin sering berkomunikasi dengan pihak kuasa penguatkuasa Malaysia, seperti Cawangan Khas, dan mengadakan mesyuarat tetap dengan mereka. Data sekunder juga menunjukkan bahawa mereka yang telah menjalin hubungan rapat dengan pihak berkuasa boleh membantu ahli keluarga atau komuniti yang telah ditahan dari segi mempermudah komunikasi antara Rohingya yang ditahan dan ahli keluarganya di luar tahanan.

Komuniti Rohingya di Malaysia terdiri daripada individu yang pelbagai-bagai. Faktor-faktor seperti tempoh kediaman mereka di Malaysia; asal-usul keluarga dan status di Rakhine, Myanmar, dan status sosioekonomi mereka mempengaruhi kesan penahanan dan kemampuan mereka untuk mengakses perkhidmatan dan sokongan.<sup>26</sup> Kejadian rasuah dan peras ugut yang dialami sesetengah komuniti telah berkurangan disebabkan jalinan hubungan positif dengan polis tempatan.<sup>27</sup>

## Perkembangan Utama dan Peningkatan Permusuhan Terhadap Kaum Rohingya di Malaysia

Seperti yang dinyatakan di atas, pada bulan Ogos 2019, akses UNHCR ke pusat tahanan imigresen digantung secara tiba-tiba. Sejak itu, UNHCR tidak dapat lagi mengakses pusat tahanan untuk mendaftar dan memohon pelepasan pelarian dan pemohon suaka dari pusat tahanan. Perubahan dasar ini didakwa berpunca dari perubahan kepimpinan di Jabatan Imigresen pada tahun 2019<sup>28</sup> dan tuduhan oleh Kementerian Dalam Negeri bahawa UNHCR menggunakan alasan menjalankan RSD dan memberi dokumentasi kepada pemohon suaka untuk membantu membebaskan mereka dari tahanan.<sup>29</sup> Akses UNHCR yang terhad telah menyebabkan peningkatan yang ketara dalam bilangan pelarian dan pemohon suaka yang ditahan untuk tempoh tidak tertentu dan berpanjangan.<sup>30</sup>

Pada masa yang sama, Rohingya juga mengalami kempen benci terhadap pelarian, pemohon suaka, dan pendatang berstatus tidak tetap di Malaysia. Pada tahun 2020 dan 2021, xenofobia dan ucapan kebencian terhadap Rohingya melonjak. Atas dorongan oleh pemimpin politik yang menyebarkan maklumat salah semasa pandemik COVID-19, petisyen dikemukakan untuk menyeru pelarian dihantar pulang ke negara asal, dan media sosial dibanjiri dengan tuduhan palsu. Ini termasuk dakwaan bahawa pelarian Rohingya bertentangan dengan pihak penguatkuasa, menuntut hak kewarganegaraan penuh, dan menikmati keuntungan atas korban rakyat Malaysia. Kebanyakan akaun di sebalik kandungan ini adalah palsu dan berniat untuk membangkitkan pendapat umum dan membentuk kebencian and permusuhan terhadap pelarian Rohingya.<sup>31</sup> Seruan kemanusiaan untuk membantu komuniti pelarian kebanyakannya diabaikan, dan secara tidak langsung memperdalam antipati terhadap pelarian di Malaysia – khususnya Rohingya.

Menteri Pertahanan Kanan pada masa itu, Ismail Sabri Yaakob, mendakwa bahawa pelarian dan pendatang tanpa izin menyebarkan COVID-19.<sup>32</sup> Akibatnya, dasar terhadap pelarian telah diperketatkan. Peserta yang ditemuduga menjelaskan bahawa undang-undang dan dasar digunakan dengan lebih sewenang-wenangnya dan kasar, terutamanya terhadap Rohingya. Semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-36 pada Jun 2020, bekas Perdana Menteri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa Malaysia “tidak boleh lagi mengambil lebih [Rohingya] kerana sumber dan kapasiti kita semakin tegang, tambahan lagi keadaan pandemik COVID-19”. Kenyataan itu memberi tanggapan bahawa kerajaan Malaysia akan mengambil lebih banyak tindakan punitif terhadap Rohingya.<sup>33</sup> Ini termasuk, sebagai contoh, serbuan penguatkuasa imigresen yang lebih kerap, lebih banyak pengusiran bot nelayan asing atas premis bahawa Rohingya akan membawa lebih banyak kes COVID-19 ke negara ini,<sup>34</sup> dan penahanan serta-merta (dan penafian kebebasan) Rohingya yang masuk ke Malaysia melalui bot. Pihak berkuasa imigresen juga menggalakkan orang ramai melaporkan pelarian dan pemohon suaka kepada pihak berkuasa.

Pihak kerajaan juga bertindak keras terhadap kritikan tentang dasar penahanan imigresen. Antaranya, pihak penguatkuasa telah menyoal wartawan yang melaporkan penangkapan orang yang mempunyai status tidak teratur di Malaysia semasa pandemik COVID-19,<sup>35</sup> dan menyoal serta menuduh aktivis, seperti dalam kes Heidy Quah, pengasas NGO Malaysia - Refuge for the Refugees. Quah pada mulanya didakwa pada tahun 2021 kerana kandungan di profil Facebooknya tentang keadaan dalam pusat tahanan imigresen Malaysia.<sup>36</sup>

25 Temubual dengan HOST International Malaysia, 30 Januari 2023

26 Pereira, X., Verghis, S., Cheng, K.H., Ahmed, A.Z., Nagiah, S. N., & Fernandez, L. (2019). *Mental health of Rohingya refugees and asylum seekers: case studies from Malaysia*. *Intervention Journal*

27 Danish Refugee Council (2022) *Refugee Protection, Human Smuggling, and Trafficking in Bangladesh and Southeast Asia*.

28 Maklumat dalam fail dengan Asia Pacific Refugee Rights Network

29 Danish Refugee Council, (2022) *Refugee Protection, Human Smuggling, and Trafficking in Bangladesh and Southeast Asia*

30 UNHCR (2019) *Progress Report 2018: A Global Strategy to Support Governments to End the Detention of Asylum-Seekers & Refugees, 2014 - 2019*

31 East Asia Forum (2020) *Disinformation and xenophobia target Malaysia's Rohingya*

32 Code Blue (2020) *Ismail Sabri Doubles Down On Nabbing Undocumented Immigrants*

33 Temu bual dengan ISIS Malaysia, 3 Februari 2023.

34 South China Morning Post (2020) *As Malaysia battles the coronavirus, its Rohingya refugees face a torrent of hate*

35 Al Jazeera (2020) *Malaysian police raid Al Jazeera's office, seize computers*

36 Heidy Quah didakwa menggunakan internet dengan niat untuk menyinggung perasaan dan menyakitkan hati, menurut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan



Pada April 2022, lebih 500 pelarian Rohingya telah melarikan diri dari pusat tahanan imigresen di Sungai Bakap, Pulau Pinang. Pihak berkuasa imigresen memberi tindakan yang keras terhadap kejadian ini dengan memberi saranan kepada orang ramai untuk mengambil bahagian dalam pemburuan Rohingya yang telah melarikan diri. Keadaan ini bertambah buruk pada hari berikutnya, di mana pihak polis juga ditempatkan di luar pejabat UNHCR untuk membuat tangkapan. Dalam beberapa bulan selepas kejadian ini, pemindahan tahanan dari pusat tahanan ke pusat tahanan menjadi lebih kerap. Ini menyulitkan akses yang sudah terhad dan proses pendaftaran dan pelepasan. Setakat ini, tiada siasatan bebas dijalankan terhadap kejadian tersebut. Pengalaman Rohingya yang terlibat dan terjejas oleh kejadian itu juga tidak diambildeduli.

Pada bulan Julai 2022, kerajaan Malaysia meluluskan penguatkuasaan Sistem Maklumat Pengesanan Pelarian (TRIS) secara meluas. Ia merupakan skim pendaftaran wajib untuk semua pemegang kad UNHCR dan pemohon suaka.<sup>37</sup> TRIS telah dilancarkan pada 2017 dan dalam peringkat percubaan selama beberapa tahun. Namun, tiada maklumat lanjut tentang hasil percubaan ini tersedia untuk umum.<sup>38</sup> Masyarakat dan komuniti pelarian telah menyuarakan kebimbangan terhadap TRIS, terutamanya mengenai privasi dan perlindungan data, dan potensi penyalahgunaan maklumat untuk mengesan dan menangkap pelarian.<sup>39</sup>

Kekerapan serbuan imigresen juga meningkat pada tahun 2022,<sup>40</sup> dan kebanyakannya telah disertai oleh pasukan media.<sup>41</sup> Ratusan pelarian ditahan dalam setiap serbuan. Pegawai imigresen menuduh UNHCR mengeluarkan kad “sewenang-wenang”<sup>42</sup> dan terbabit dalam aktiviti haram untuk menjual kad UNHCR kepada pelarian.<sup>43</sup> Pada bulan Oktober 2022, Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara dipetik mencadangkan bahawa kehadiran UNHCR adalah “faktor penarik” bagi pelarian, pejabatnya harus ditutup, dan kerajaan dalam proses mengambil alih pengurusan pelarian di negara ini “tanpa campur tangan luar”.<sup>44</sup>

Pada tahun 2022, Rohingya terus menjadi subjek ucapan kebencian. Sebuah video yang tular pada awal 2022 mengenai kanak-kanak Rohingya yang mengemis mendapat sedikit simpati atau belas kasihan. Sebaliknya, ramai berpendapat bahawa kanak-kanak tersebut berkelakuan dengan cara yang “tidak wajar” dan “agresif”.<sup>45</sup> Seorang ustaz dari Malaysia telah menjadi contoh terbaharu xenofobia yang disasarkan terhadap pelarian Rohingya. Beliau menjadi terkenal dalam TikTok kerana kandungannya yang sering memperlekehkan pelarian Rohingya dan menyebarkan maklumat salah tentang mereka. Ini telah membawa kesan yang negatif bagi Rohingya, contohnya perniagaan mereka ditutup dan kenderaan milik mereka dirampas. Selain itu, penguatkuasa imigresen juga telah melakukan serbuan di kawasan populasi pelarian atas aduan yang diterima dari penduduk tempatan yang tinggal berdekatan<sup>46</sup>. Ini menunjukkan bahawa pendapat awam memberi kesan secara langsung komuniti Rohingya.

Keadaan sosial dan politik kekal tegang di mana pihak berkuasa terus menerapkan dasar dan amalan keras terhadap Rohingya tanpa mengambil kira faktor kerentanan. Mengikuti pemerhatian peserta utama, pertuduhan imigresen terhadap pelarian dan pemohon suaka di mahkamah bertambah banyak sebagai langkah pencegahan. Pemerhatian juga menunjukkan bahawa hukuman yang lebih berat telah dijatuhkan atas kesalahan imigresen di negeri-negeri sempadan seperti Kelantan dan Kedah, di mana hukuman penjara di negeri-negeri tersebut adalah lebih lama daripada di Lembah Klang.

Selain itu pihak berkuasa juga kini beralih perhatian mereka terhadap “onward movers”, - pelarian Rohingya yang telah berdaftar dengan UNHCR Bangladesh atau UNHCR Indonesia. Mereka sering dilayan lebih teruk berbanding dengan mereka yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia. Hasil dari temubual mencadangkan bahawa pihak kerajaan berpendapat bahawa “onward movers” dari Bangladesh bukan pelarian mahupun pemohon suaka, dan harus dianggap sebagai “pendatang ekonomi”.<sup>47</sup>

Dari sudut positif pula, lebih seribu tahanan Rohingya yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia dipercayai telah dibebaskan sejak 2022. Ini adalah hasil daripada dokumen dalaman yang dikeluarkan pada akhir 2021 oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Dokumen tersebut meluluskan pembebasan Rohingya yang memegang kad pelarian yang dikeluarkan oleh UNHCR Malaysia. Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk Rohingya yang memegang kad UNHCR dari negara lain seperti Bangladesh atau Indonesia dan juga orang yang tidak berdaftar dengan UNHCR di mana-mana negara.<sup>48</sup> Kumpulan etnik lain dari Myanmar dan pelarian dari negara lain juga tidak dibebaskan di bawah dokumen dalaman ini. Ini adalah sebab kerajaan Malaysia percaya bahawa mereka boleh dihantar pulang ke negara asal mereka, walaupun terdapat konflik, keganasan, dan penganiayaan yang berterusan.<sup>49</sup>

Perkembangan dalam penangkapan dan penahanan kanak-kanak semakin membimbangkan. Pada masa lalu, pihak berkuasa imigresen dan mahkamah tidak mendakwa kanak-kanak yang telah lulus penilaian umur atas kesalahan imigresen terutamanya mereka yang telah berdaftar dengan UNHCR. Namun, baru-baru ini seorang gadis Rohingya yang tidak diiringi didakwa kerana melanggar Akta Imigresen walaupun rekod perigian mengesahkan dia hanya berumur 14 tahun. Kesnya didaftarkan semula di mahkamah bagi kanak-kanak, dan perbicaraan masih berterusan. Peguam pro bono untuk gadis itu telah memfailkan kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam untuk merayu keputusanhkamah.<sup>50</sup>

---

Multimedia 1998. Seksyen 233 memperuntukkan denda maksimum RM 50,000 atau penjara sehingga setahun, atau kedua-duanya. Selepas memohon perbicaraan, Cik Quah dilepaskan tanpa dibebaskan. Pada Februari 2023, bagaimanapun, kerajaan memutuskan untuk membawa tuduhan terhadapnya sekali lagi di bawah seksyen 233(1)(a) untuk jawatan yang sama. Walaupun tuduhan itu akhirnya digugurkan, ia menunjukkan sejauh mana kerajaan bertindak terhadap masyarakat sivil yang mengkritik dasar penahanannya.

37 TRIS MyRC (2020) [Tracking Refugees Information System](#); Free Malaysia Today (2022) [Govt approves tracking system for UNHCR cardholders](#).

38 Free Malaysia Today (2022) [Govt approves tracking system for UNHCR cardholders](#); Malay Mail (2022) [UNHCR cardholders must register with refugee tracking system, says home minister](#).

39 Al Jazeera (2022) [Refugees in Malaysia worry government tracking system a 'trap'](#)

40 Soalan No. 14, Notis Jawapan Lisan dalam Mesyuarat Pertama Dewan Rakyat, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas, 2 Mac 2023.

41 Free Malaysia Today (2022) [Rohingya paid agents to enter country, obtain UNHCR cards, says immigration DG](#)

42 Free Malaysia Today (2022) [Refugee cards issued based on strict criteria, says UN agency](#)

43 Free Malaysia Today (2022) [Rohingya paid agents to enter country, obtain UNHCR cards, says immigration DG](#)

44 New Straits Times (2022) [UNHCR office here to be shut down, role to be taken over by govt](#)

45 The Rakyat Post (2022) [Child Beggars Caught The Attention Of Netizens After Several Videos Went Viral](#)

46 Temubual dengan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), 6 Februari 2023

47 Temu bual dengan Yayasan Geutanyoë, 10 Mac 2023

48 International Detention Coalition (2022) [Immigration Detention and Alternatives to Detention in the Asia-Pacific Region. Annex: Country Profiles](#)

49 Kerajaan telah berhujah bahawa orang yang ditahan yang merupakan warganegara Myanmar adalah “secara sukarela” memilih untuk kembali ke Myanmar dari pusat tahanan imigresen, dan oleh itu tidak ada pelanggaran kewajipan bukan refoulement mereka. Wakil Tetap Malaysia di Geneva. (2022) [The Government of Malaysia's Response to the Joint Urgent Appeal from Special Procedures, Office of the High Commission for Human Rights](#)

50 Malaysiakini (2023) [Rohingya teen's bid to quash immigration charge set on May 29](#)



Masyarakat sivil dan agensi-agensi PBB terus melibatkan kerajaan dalam ATD, terutamanya ATD berkaitan dengan kanak-kanak. Pada April 2021, Kabinet Malaysia meluluskan program perintis ATD yang dilancarkan pada Februari 2022, dan akan diterajui bersama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Menyedari bahawa keadaan kanak-kanak dalam tahanan imigresen adalah sangat berbahaya, program perintis ini bertujuan untuk memungkinan pembebasan kanak-kanak tahanan imigresen yang tidak diiringi dan terpisah dari penjaga mereka ke tempat perlindungan sementara. Namun, kanak-kanak Rohingya telah dikecualikan kerana program perintis tersebut menyasarkan kanak-kanak yang dikatakan layak untuk dihantar pulang ke negara asal mereka, Sehingga kini, program perintis ATD tersebut masih belum dilaksanakan. Setakat April 2023, tiada kanak-kanak yang telah dibebaskan bawah program tersebut.

Walaupun tidak ada perkembangan dalam pelaksanaan program perintis ATD di atas, Menteri Dalam Negeri yang baru dilantik, Datuk Seri Saifuddin Nasution, telah membuat kenyataan pada Februari 2023 bahawa kanak-kanak tidak boleh ditahan di pusat tahanan imigresen, dan telah memulakan perancangan untuk membebaskan kanak-kanak dalam tahanan yang tidak diiringi dan terpisah dari penjaga mereka kepada NGO perlindungan kanak-kanak. Inisiatif ini adalah berbeza dengan program perintis ATD di atas, walaupun skop dan objektifnya adalah lebih kurang sama.<sup>51</sup>

---

51 The Star (2023) Children do not belong in Immigration depots, says Saifuddin





Photo Credit: Danish Engineer Journal Bangladesh



## 6. Penangkapan dan Penahanan Rohingya

### Prosedur Penangkapan dan Penahanan

Rohingya yang ditangkap dan ditahan di Malaysia biasanya: (a) baru tiba di Malaysia melalui darat atau laut, dari Bangladesh, Indonesia, Myanmar atau Thailand; atau (b) telah menetap di Malaysia dan telah bertembung dengan imigresen atau polis semasa aktiviti penguatkuasaan imigresen. Undang-undang imigresen Malaysia digunakan secara tidak konsisten dan tanpa mengambil kira faktor-faktor seperti umur, jantina, atau keadaan kesihatan. Ini menyebabkan semua warga Rohingya terdedah kepada risiko ditahan. Hasil temu bual dan data sekunder juga telah melaporkan kes-kes wanita hamil, serta kanak-kanak dan bayi ditangkap dan ditahan. Kajian selanjutnya menunjukkan bahawa saiz populasi mereka yang terbesar di Malaysia merupakan punca utama Rohingya berisiko tinggi ditangkap dan ditahan berbanding dengan komuniti pelarian lain. Ini juga berkait dengan pendekatan 'securitisation' kerajaan Malaysia terhadap ketibaan bot,<sup>52</sup> yang terus memacu xenofobia yang tinggi dalam kalangan orang ramai. Mereka juga menjadi sasaran pihak berkuasa imigresen disebabkan oleh sentimen sosial dan politik yang tegang.

Akta Imigresen Malaysia memberi kuasa yang luas kepada pegawai imigresen untuk menangkap dan menahan bukan warganegara tanpa waran. Bukan warganegara boleh ditahan sehingga 14 hari sebelum dibawa ke hadapan majistret (berbanding 24 jam dalam kes warganegara Malaysia).<sup>53</sup> Setelah tamat tempoh 14 hari, pihak berkuasa boleh meminta majistret untuk memberikan reman sementara menunggu siasatan, untuk tempoh maksimum 14 hari. Kebiasaannya, majistret memberikan 14 hari penuh, atau kadang-kadang tempoh yang lebih singkat, iaitu 10 atau tujuh hari.<sup>54</sup> Dalam tempoh reman 14 hari, pegawai penyiasat akan menentukan sama ada mereka akan didakwa.

Setelah didakwa - biasanya di bawah Seksyen 6 Akta Imigresen - seseorang akan diletakkan dalam tahanan reman jika ikat jamin tidak diberikan. Jika disabit kesalahan, mereka akan menjalani hukuman di penjara, dan apabila tamatnya hukuman, mereka akan dipindahkan secara automatik ke pusat tahanan imigresen. Arahan penyingkiran dan penahanan akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen, mengikut Seksyen 32 dan 34 Akta Imigresen. Oleh sebab tiada had tempoh masa maksimum yang ditentukan pada tahanan imigresen atau tahanan pentadbiran, Rohingya dan mereka yang tiada kewarganegaraan atau berisiko tiada kewarganegaraan, menghadapi risiko ditahan untuk tempoh tidak tentu dan berpanjangan.

Bagi pelarian dan pemohon suaka, termasuk Rohingya, UNHCR mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam kes-kes penahanan imigren. Walau bagaimanapun, memandangkan ketiadaan rangka kerja undang-undang, penglibatan UNHCR adalah tidak tentu mengikut budi bicara pegawai penangkapan atau penyiasat. Pegawai yang menahan boleh menggunakan Aplikasi UNHCR Verify Plus untuk mengimbas kod QR pada dokumentasi UNHCR untuk mengesahkan bahawa pelarian atau pemohon suaka adalah berdaftar dengan UNHCR, dan kemudian boleh memutuskan untuk melepaskan mereka jika statusnya disahkan. Walau bagaimanapun, biasanya pengesahan status tersebut dijalankan secara tidak konsisten oleh pegawai penguatkuasa undang-undang. Dalam sesetengah kes, pengesahan hanya berlaku kemudian, contohnya semasa tempoh penahanan sebelum perbicaraan, iaitu sebelum pertuduhan dibawa ke mahkamah.

UNHCR mungkin boleh terlibat dalam membantu pembebasan orang yang memegang dokumentasi UNHCR selepas arahan penyingkiran dan penahanan dikeluarkan. Namun, ini juga adalah mengikut budi bicara pegawai penguatkuasa undang-undang yang terlibat. UNHCR tidak dapat akses pusat penahanan imigresen sejak Ogos 2019 dan ini telah mengurangkan kemampuan mereka untuk terlibat selepas seseorang ditempatkan dalam tahanan imigresen. Pemindahan tahanan dari satu pusat tahanan ke pusat tahanan yang lain juga melambatkan proses pembebasan. Dalam sesetengah kes, sebaik sahaja seseorang dikenal pasti dan dikesan di satu pusat tahanan, mereka kemudiannya telah dipindahkan ke pusat tahanan lain sebelum pihak luar berpeluang untuk memberi penolongannya. Mengikut Pekeliling Peguam Negara 2005 - seseorang yang tidak berdaftar pada masa penangkapan bermungkinan boleh dibebaskan selepas didaftar oleh UNHCR semasa berada dalam penahanan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Pekeliling tersebut bergantung pada tafsiran yang tidak konsisten dan juga terpulung pada budi bicara pihak berkuasa yang terlibat.

Komuniti pelarian boleh cuba menghubungi UNHCR tentang kes penangkapan melalui talian hotline atau laman web UNHCR. Namun begitu, disebabkan jumlah permintaan bantuan yang tinggi dan kesulitan mengakses talian hotline atau laman web, banyak orang tidak sempat mencapai UNHCR, justeru mengehadkan peluang untuk mendapatkan bantuan untuk kes penahanan.

52 Temu bual dengan Yayasan Geutanyoë, 10 Mac 2023

53 Seksyen 35 dan 51(5) Akta Imigresen; Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah

54 Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah



## Amalan Penangkapan dan Penahanan

Data menunjukkan bahawa Rohingya sering ditangkap di kawasan sempadan apabila mereka cuba masuk ke Malaysia, terutamanya di Langkawi, Kedah atau di sempadan Kelantan-Thailand. Penangkapan di sempadan adalah lebih kerap berbanding dengan bahagian-bahagian lain di Malaysia, dan hukumannya lebih berat, berkemungkinan sebagai langkah pencegahan dari pihak kerajaan. Penangkapan lain sering berlaku di tempat kerja (seperti tapak pembinaan atau restoran), semasa dalam transit, atau di kediaman mahupun kampung mereka. Terdapat juga kejadian di mana pegawai imigresen mengawasi sekolah pelarian dan pusat pembelajaran alternatif, menyoalkan kanak-kanak sama ada mereka mempunyai kad UNHCR, membawa kanak-kanak ke balai polis, dan mengganggu serta mengancam guru.<sup>55</sup> Rohingya juga telah ditahan semasa serbuan imigresen yang dijalankan mengikut “program kalibrasi semula” yang<sup>56</sup> menasaskan pekerja asing tidak sah di Malaysia.

Seperti yang dibincangkan di atas, Jabatan Imigresen dilaporkan membezakan Rohingya di Malaysia mengikut 3 kumpulan: a) yang baru tiba terus dari Myanmar, b) yang telah menetap di Malaysia dan mungkin memegang kad UNHCR Malaysia, dan c) yang tiba dari Bangladesh. Kumpulan terakhir ini dilaporkan berisiko tinggi ditahan berpanjangan menurut dokumen dalaman imigresen.

Antara sebab-sebab utama penangkapan adalah kekurangan dokumentasi, diikuti dengan pelanggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19, dan bekerja tanpa permit. Data sekunder dan temu bual menunjukkan bahawa pemegang kad UNHCR kerap ditahan walaupun memegang dokumentasi yang sah - sesetengahnya kerana kononnya tidak mengikut SOP COVID-19 dan yang lain kerana bekerja tanpa permit. Beberapa orang melaporkan bahawa mereka telah ditangkap oleh polis dan kad UNHCR mereka telah dirampas tanpa sebarang sebab. Merentasi data sekunder dan temu bual, aduan yang dibuat oleh penduduk tempatan atau ahli komuniti Rohingya yang lain kepada polis juga menjadi sebab di sebalik beberapa penahanan. Aduan terhadap Rohingya telah meningkat semasa COVID-19, apabila xenofobia dan pendapat umum negatif terhadap pelarian Rohingya berada di kemuncaknya.

Kejadian rasuah dan peras ugut adalah risiko yang serius. Terdapat banyak laporan tentang pemerasan dan rasuah yang dilaporkan oleh RLO dan dalam data sekunder, di mana Rohingya perlu membayar antara beberapa ratus hingga beberapa ribu Ringgit Malaysia (RM)<sup>57</sup> kepada polis atau pegawai imigresen untuk mengelak penangkapan, atau untuk mendapatkan pembebasan ahli keluarga. Ada juga yang melapor bahawa mereka perlu menghantar wang kepada ahli keluarga dalam tahanan untuk perbelanjaan bulanan mereka di pusat tahanan.



Photo Credit: Danish Refugee Council, Bangladesh

55 Temu bual dengan Malaysia Relief Agency (MRA), 27 Februari 2023

56 Program Rekalibrasi (RTK) diwujudkan bagi membolehkan pekerja migran yang berstatus tidak tetap dan dokumen perjalanan yang sah kembali secara sukarela ke negara asal mereka, manakala Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) diwujudkan untuk mengawal selia pekerja migran yang berstatus tidak tetap, yang kemudiannya boleh diambil bekerja oleh majikan yang layak, tertakluk kepada syarat ketat yang ditentukan oleh kerajaan. Malaysiakini (2022) [Minister: 712k migrants register in recalibration programmes](#); Malay Mail (2021) [Minister: More than 200,000 undocumented migrants repatriated under recalibration programme](#)

57 Setakat 31 Mac 2023, 1 Euro bersamaan dengan 4.80 Ringgit Malaysia



## 7. Kesan Penahanan Imigresen Terhadap Rohingya

Data yang dikumpul dalam laporan kajian ini menyokong penemuan dalam banyak kajian global: kesan penahanan imigresen adalah luas dan sangat traumatik bagi tahanan, serta keluarga dan komuniti terdekat mereka.

### Kesan kepada tahanan

Kajian itu mengesahkan bahawa keadaan di pusat tahanan di Malaysia adalah teruk dan mengancam nyawa. Keadaannya sangat sesak dan mengalami isu-isu pemakanan, sanitasi, kebersihan serta penjagaan perubatan yang tidak mencukupi.<sup>58</sup> Penyakit kulit, jangkitan saluran pernafasan, tuberkulosis, masalah gastrointestinal dan malaria biasa dilaporkan.<sup>59</sup> Kejadian tahanan melarikan diri dari pusat tahanan imigresen di Sungai Bakap pada awal 2022, di mana tujuh orang kehilangan nyawa mereka, telah menunjukkan keadaan buruk dalam pusat tahanan.<sup>60</sup> Mengikut laporan, kejadian ini berlaku berikutan kematian seorang tahanan yang telah dinafikan rawatan perubatan.<sup>61</sup> Akibatnya, masyarakat sivil dan komuniti hak asasi manusia antarabangsa mempersoalkan keadaan pusat penahanan imigresen.<sup>62</sup>

Mengikut laporan, orang tahanan tidak mempunyai rangsangan fizikal dan mental; mereka terpaksa duduk di dalam sel mereka setiap hari, dan hanya diberikan tempoh 30 minit yang singkat di mana mereka dibenarkan keluar dari sel untuk bersenam. Data juga menunjukkan pengalaman penganiayaan dan penderaan daripada pihak berkuasa dalam pusat tahanan. Selain penderaan fizikal, terdapat laporan penderaan lisan dan psikologi. Seorang peserta utama menceritakan ejekan pegawai imigresen: *"Kamu tidak akan keluar. Kamu akan mati di sini, dan anak-anak kamu akan mati di sini"*. Penderaan dan tekanan lain yang dihadapi oleh tahanan bertambah buruk sebab perasaan putus asa yang timbul daripada pengetahuan bahawa UNHCR mempunyai akses yang sangat terhad kepada pusat penahanan. Akibatnya, keperluan kesihatan mental tahanan adalah sangat tinggi.

Kanak-kanak terdedah kepada risiko tertentu dalam tahanan imigresen, terutamanya jika mereka tidak diiringi oleh penjaga. Menurut peserta utama, situasi yang kanak-kanak alami terpulang pada pusat tahanan imigresen mereka. Sebagai contoh, sesetengah pusat tahanan mengklasifikasikan kanak-kanak sebagai orang di bawah umur 18 tahun, manakala di pusat tahanan lain, kanak-kanak adalah orang di bawah umur 12 tahun. Kadang-kadang mereka dinilai ikut keadaan fizikal mereka dan jika mereka dianggap "cukup tua", mereka diasingkan dari ahli keluarga yang berlainan jantina daripada mereka. Seorang peserta utama memetik contoh seorang budak lelaki berusia lapan tahun yang dipisahkan secara paksa dari ibunya dalam tahanan dan kemudiannya ditahan dengan lelaki yang tidak berkaitan. Dia hanya dibenarkan untuk berjumpa ibunya seminggu sekali. Akibatnya, budak lelaki tersebut mengalami trauma yang teruk atas pengalaman ini dan menangis sepanjang masa menginginkannya ibunya. Di samping itu, kekurangan akses untuk bermain, dan kemudahan serta rangsangan untuk kanak-kanak menyebabkan mereka berisiko mengalami regresi perkembangan.

Seorang peserta utama bercakap mengenai kesan yang mereka saksikan apabila kanak-kanak Rohingya ditahan: *"Perpisahan adalah sesuatu yang tidak dapat dibayangkan. Mengapa saya di sini... apa salah saya? Kenapa mereka bawa saya ke sini? Jadi anda boleh bayangkan kesan emosi, kesan psikologi kepada kanak-kanak ini apabila mereka berada di kem tahanan di mana mereka dikelilingi orang yang tidak dikenali dan juga kaum lain. Mereka tidak faham sistem ini dan mereka tiada kebebasan. Saya berpandangan bahawa ini sangat mempengaruhi perasaan mereka, tentang bagaimana penjenayah ditakrifkan dalam masyarakat. Atau anda dianggap seorang penjenayah hanya kerana anda tidak mempunyai kad pengenalan. Perpisahan itu... pasti akan meninggalkan kesan dalam kehidupan kanak-kanak itu. Walaupun dia akan dibebaskan pada masa tertentu, tetapi bab kehidupan [apabila] saya ditahan di tempat ini, yang saya tidak faham apa [...] saya buat salah untuk diperlakukan begini. Ini akan kekal secara selama-lamanya dalam fikiran dan tidak tertanggung"*.<sup>63</sup>

Perkhidmatan kesihatan mental yang disediakan untuk Rohingya dan pelarian lain adalah terhad dari segi skop dan kapasiti, dan keperluan komuniti jauh melebihi perkhidmatan yang sedia ada. Selepas dibebaskan dari pusat tahanan, Rohingya dan pelarian lain mempunyai akses yang sangat terhad kepada perkhidmatan untuk masalah kesihatan fizikal dan mental mereka yang timbul masa dalam tahanan imigresen. RLO melaporkan bahawa walaupun sesetengah NGO dilaporkan menyediakan sesi terapi dan kumpulan sokongan, bantuan langsung untuk kesihatan mental yang diketahui oleh komuniti adalah terhad atau tidak wujud langsung. Selain itu, perkhidmatan kesihatan mental yang sedia ada tidak disasarkan khusus untuk mereka yang mempunyai pengalaman ditahan. RLO dan peserta NGO melaporkan bahawa pelarian Rohingya tidak mendapatkan sokongan kesihatan mental atas pelbagai sebab, terutamanya kekurangan pengetahuan tentang isu-isu kesihatan mental dan keupayaan untuk mengenal pasti pengalaman mereka sebagai isu kesihatan mental. Keperluan kesihatan mental menjadi keutamaan yang rendah untuk masyarakat Rohingya disebabkan oleh beberapa faktor: a) tahap celik kesihatan mental yang rendah b) stigma komuniti dalam mendapatkan sokongan kesihatan mental, dan c) keperluan untuk mengutamakan keperluan hidup asas seperti akses kepada dokumentasi, pendidikan dan rawatan perubatan untuk kesihatan fizikal.<sup>64</sup> Namun begitu, ianya adalah keperluan yang penting, kerana kekurangan sokongan kesihatan mental boleh mendatangkan kesan yang memudaratkan kepada diri dan keluarga. Dalam kes-kes tertentu, ia telah dilaporkan mengakibatkan kecederaan diri, penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga.

58 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (2016, 2017, 2018, 2019) *Annual Reports*; U.S. Department of State (2021) *2021 Country Reports on Human Rights Practices: Malaysia*.

59 Malaysiakini (2019) *151 deaths in immigration depot since 2016; 306 children still detained*; Asia Pacific Forum (2017) *SUHAKAM raises serious concerns over immigration facility*

60 The Vibes (2022) *Coroner's silence over Sg Bakap detainees' deaths disturbing – Madpet*

61 The Edge Markets (2022) *Malaysian Advisory Group on Myanmar's statement on Sungai Bakap incident and Rohingya refugees in immigration detention*.

62 International Detention Coalition (2022) *Joint Statement on Immigration Detention Policies & Practices in Malaysia*

63 Temubual dengan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), 6 Februari 2023

64 Temubual dengan HOST International Malaysia, 30 Januari 2023



### Kesan Kesihatan Mental Penahanan Imigresen

Kajian telah menunjukkan bahawa pemohon suaka yang berada dalam tahanan imigresen mempunyai kadar kemurungan yang tinggi dan gangguan tekanan selepas trauma (PTSD); kecenderungan untuk membunuh diri dan mencederakan diri.<sup>65</sup> Tahap masalah kesihatan mental secara amnya bertambah buruk ikut tempoh penahanan.<sup>66</sup> Pemohon suaka mempunyai kerentanan yang sedia ada dalam masalah kesihatan mental kerana pendedahan mereka terhadap trauma dalam proses berhijrahan. Pendedahan kepada trauma yang sedia ada berkemungkinan akan bertambah buruk disebabkan penahanan imigresen dan ini seterusnya akan membawa peningkatan kemungkinan masalah kesihatan mental.<sup>67</sup>

Bagi kanak-kanak khususnya, penahanan imigresen - walaupun untuk tempoh yang singkat - boleh memberi kesan buruk dan jangka panjang terhadap perkembangan dan kesejahteraan fizikal dan mental mereka.

Di Malaysia, terdapat kekurangan kajian mendalam khususnya mengenai kesan penahanan imigresen atas kesihatan mental. Walau bagaimanapun, terdapat kajian umum mengenai kelaziman gangguan kesihatan mental dalam kalangan komuniti pelarian di Malaysia. Sebagai contoh, tinjauan terhadap pelarian mendapati kelaziman gangguan kesihatan mental adalah sangat tinggi dalam kalangan populasi yang cuba mendapatkan rawatan kesihatan mental, di mana 43% memenuhi kriteria untuk sekurang-kurangnya satu gangguan mental termasuk kemurungan, kebimbangan, PTSD dan kesedihan yang rumit (complicated grief).<sup>68</sup> Satu penerbitan menyatakan bahawa pelarian Rohingya yang telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental melaporkan bahawa gejala mereka bermula apabila mereka berada dalam tahanan imigresen di Malaysia, di mana mereka telah mengalami penderaan.<sup>69</sup>

## Hukuman sebat

Penemuan tentang kelaziman dan kesan daripada hukuman sebat yang dikenakan adalah terhad dalam kajian ini. Peserta utama mengulas bahawa isu ini adalah sangat sensitif atas sebab kesan fizikal dan psikologi yang dahsyat dari hukuman sebat dan mereka mengelakkan perbincangan tentang isu ini dengan Rohingya yang baru dibebaskan daripada tahanan.

Walaupun bagaimanapun, data sekunder memberikan beberapa contoh di mana lelaki Rohingya, walaupun telah dibebaskan dari tahanan, tidak dapat bekerja kerana kecederaan akibat "sebatan...kesan rotan" dalam tahanan, yang seterusnya mengalami kekangan kewangan yang menghalang anak-anak mereka daripada mendapatkan pendidikan.

Kajian juga mendapati kejadian kehilangan nyawa yang berlaku akibat penahanan - sebagai contoh, seorang lelaki Rohingya yang mengalami kecederaan parah semasa dalam tahanan, termasuk daripada sebatan, meninggal dunia akibat kecederaannya selepas dibebaskan. Disebabkan kecederaannya, dia tidak dapat bekerja dan mencari nafkah, dan dengan itu tidak mampu membayar rawatan perubatan untuk menyelamatkan nyawanya.

## Kesan kepada Keluarga dan Komuniti

### Kesan Psikologi

Ahli keluarga mengalami kesan psikologi yang ketara berikutan penahanan orang yang mereka sayangi. Keluarga tahanan tidak dapat tahu tentang status dan kesejahteraan ahli keluarga mereka dalam tahanan kerana kekurangan komunikasi antara komuniti Rohingya, RLO dan NGO dengan pihak berkuasa tahanan imigresen. Keadaan ini bertambah teruk kerana dasar dan pelaksanaan yang tidak konsisten di seluruh Jabatan Imigresen dan kemudahan pusat tahanan. Akibatnya, ahli keluarga yang cuba mencari orang tersayang dalam tahanan akan berasa terkeliru dan tidak berdaya untuk buat apa-apa, apatah lagi melawat mereka, atau membebaskan mereka dari pusat tahanan.<sup>70</sup> Lanya boleh mengambil masa berbulan-bulan untuk mengenalpasti pusat tahanan di mana ahli keluarga mereka ditahan dan pemindahan tahanan dari satu pusat tahanan ke pusat tahanan yang lain merumitkan proses tersebut. Kekurangan maklumat mengenai keberadaan tahanan imigresen mempunyai kesan yang buruk terhadap ahli keluarga. Peserta utama NGO dan RLO yang menawarkan perkhidmatan kaunseling menyifatkan pasangan, kanak-kanak, ibu bapa, dan ahli keluarga lain Rohingya yang ditahan berasa takut sehingga menangis dan memohon bantuan dan maklumat mengenai di mana keluarga mereka berada.

Bagi mereka yang dapat berhubung dengan ahli keluarga mereka, mereka bertambah bimbang apabila mengetahui kesukaran yang dihadapi dalam keadaan penahanan yang teruk, di mana ada yang menghidap penyakit kulit dan menjadi lemah sehingga kehilangan keupayaan untuk berjalan dalam pusat tahanan. Walaupun terdapat laporan menyatakan beberapa lawatan telah dilakukan, melawat ahli keluarga dalam tahanan dilaporkan amat sukar bagi Rohingya dan pelarian lain kerana mereka tidak mempunyai pasport dan visa yang sah.

65 Robjant K., Hassan R., & Katona C. (2009) *Mental health implications of detaining asylum seekers: systematic review*. Br J Psychiatry; Green J.P. & Eager K. (2010) *The health of people in Australian immigration detention centres*

66 Ibid.

67 Schauer M, Neuner F, Karunakara U, Klaschik C, Robert C, Elbert T. (2003) *PTSD and the 'building block' effect of psychological trauma among West Nile Africans* European Society for Traumatic Stress Studies Bulletin 10; von Werthern M., Robjant K., Chui Z, Schon R., Ottisoa L., Mason C., Katona C. (2018) *The impact of immigration detention on mental health: a systematic review*. BMC Psychiatry

68 Tay A. K., Mohammed M., Khat M.H., Mohammad B., Balasundram S., Morgan K., Parthiban N., & Silove D. (2020) *Variations in prevalence and risk profiles for common mental disorders amongst Rohingya, Chin and Kachin refugees from Myanmar*. Psychol Med

69 Pereira, X., Verghis, S., Cheng, K.H., Ahmed, A.Z., Nagiah, S. N., & Fernandez, L. (2019). *Mental health of Rohingya refugees and asylum seekers: case studies from Malaysia*. Intervention

70 Temu bual dengan Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), 6 Februari 2023; Temu bual dengan Geutanyoë, 10 Mac 2023

Pasangan suami isteri juga mengalami trauma atas penahanan pasangan dan anak-anak mereka. Ada yang menyatakan bahawa tahap tekanan kesihatan mental mereka mempengaruhi keupayaan mereka untuk bekerja dan juga tidur. Yang lain menyatakan bahawa tempoh penahanan yang tidak tentu menjadi punca kebimbangan. Satu perkongsian *“Sekarang, dia telah ditahan selama empat tahun, masih berapa tahun dia akan kekal dalam tahanan di sini di Malaysia?”*

Ibu bapa yang anak-anak mereka telah ditahan juga amat terjejas dengan keadaan ini, tanpa mengira umur anak-anak mereka. *“Buat masa ini...masalah dan fikiran dia hanya mengenai penahanan [anaknyanya]. Dia telah lama mencuba untuk membebaskan [anaknyanya] tetapi tidak berjaya”*. Ibu bapa warga emas juga melaporkan bahawa penahanan anak-anak mereka adalah punca *“kesedihan yang besar”* bagi mereka dan dalam beberapa kes, tekanan dan kebimbangan telah menjejaskan kesihatan fizikal mereka yang mengakibatkan masalah perubatan seperti hipertensi.

Apabila seseorang ditahan, ahli keluarga dan komuniti juga melaporkan bahawa perasaan takut dan kebimbangan telah meningkat. Seorang peserta utama berkongsi, *“Selepas seseorang ditangkap, masyarakat akan berbincang pasal kejadian tersebut, dan mereka akan lebih berhati-hati. Mereka akan bertambah bimbang; dan berasa sangat tidak selamat. Ada yang mahu berpindah, dan mencari tempat lain”*. Ketakutan yang semakin meningkat terhadap penangkapan ini terus mendorong Rohingya yang sudah terpinggir ke situasi kerentanan tambahan. Sebagai contoh, peserta utama berkongsi bahawa apabila serbuan berlaku berdekatan dengan komuniti mereka, semua akan menjadi senyap and menyembunyi - tiada siapa yang keluar ke sekolah atau bekerja atau ke klinik – semua orang tinggal di dalam rumah selama sekurang-kurangnya seminggu, kerana mereka takut akan penahanan selanjutnya.<sup>71</sup> Semasa COVID-19, peningkatan kekerapan serbuan, dan ketakutan terhadap penangkapan telah menghalang pelarian daripada mendapatkan vaksin.<sup>72</sup> Krisis kesihatan seperti COVID-19 menunjukkan kepentingan untuk melibatkan semua orang dalam menjaga kesihatan awam, dan kisah daripada pelarian ini menggambarkan bagaimana dasar kerajaan boleh bercanggah antara satu sama lain dan merugikan diri sendiri dalam mencapai sasaran yang lebih besar seperti kesihatan masyarakat. Peserta utama juga berkongsi kisah keluarga Rohingya yang sering tidur di hutan untuk mengelak serbuan yang sering berlaku pada waktu malam. Ketakutan terhadap penahanan semakin meluas dan boleh menjejaskan seseorang walaupun selepas dibebaskan. Pengalaman ditahan menyebabkan mereka rasa kurang selamat semasa berada di tempat awam dan ini seterusnya akan menjejaskan keupayaan mereka untuk mendapatkan pekerjaan, dan mata pencarian untuk diri mereka sendiri dan keluarga mereka. Contoh respons beberapa keluarga Rohingya yang hidup dalam keadaan ancaman yang berterusan ialah sentiasa bergerak dan berpindah ke tempat yang berbeza, atau negeri yang lain untuk mengelakkan penahanan. Namun, pemindahan yang kerap dari satu tempat ke tempat yang lain akan menjejaskan kesejahteraan psikologi ahli keluarga akibat tekanan yang dihadapi, kurang biasa dengan orang dan tempat baru, dan kehilangan perhubungan yang telah dibina dengan komuniti di sekeliling mereka.

Selepas kejadian penahanan seorang ahli komuniti, kebimbangan dalam kalangan masyarakat Rohingya akan bertambah teruk jika mereka tiada dokumen UNHCR. Beberapa organisasi yang memberi perkhidmatan kepada komuniti Rohingya melaporkan bahawa pelanggan dan pesakit mereka menghadapi tekanan yang ketara tanpa kad UNHCR. Merentasi temu bual dan data sekunder, pelarian Rohingya melaporkan kekecewaan apabila mereka tidak dapat melibatkan atau menghubungi UNHCR, terutamanya untuk mendaftarkan ahli keluarga. Tanpa pendaftaran dengan UNHCR, mereka hidup dalam ketakutan ditahan dan mereka juga tidak mempunyai akses kepada perlindungan terhad yang ditawarkan oleh kad UNHCR. Tekanan ini bertambah dengan ketidakupayaan untuk mengakses proses pendaftaran UNHCR. Ramai pemimpin komuniti berkongsi bahawa pelarian bergelut untuk memahami dan menavigasi laman web UNHCR dan borang pendaftaran atas talian.<sup>73</sup> Peserta utama juga menekankan bahawa cabaran ini lebih ketara dalam kalangan Rohingya yang kebanyakannya buta huruf. Akibatnya, borang pendaftaran Inggeris atas talian menjadi penghalang utama bagi mereka untuk mendaftar dengan UNHCR. Tambahan pula, disebabkan oleh ketiadaan kewarganegaraan mereka, pelarian Rohingya tidak dapat membeli kad SIM<sup>74</sup> secara sah di Malaysia, dan oleh itu mempunyai akses terhad kepada rangkaian internet dan mudah alih. Akibatnya, mereka tidak dapat mengakses mekanisme pendaftaran dan aduan atas talian yang disediakan oleh UNHCR dengan mudah.

Selain itu, mengikut norma, wanita dan kanak-kanak perempuan warga Rohingya tidak digalakkan bergaul dengan orang luar. Mereka mungkin tidak dapat mengakses Internet atau telefon mudah alih, dan dengan itu tidak dapat mengakses dan menggunakan perkhidmatan dalam talian UNHCR. Walaupun pelarian Rohingya boleh menghantar borang pendaftaran mereka secara online, mereka hanya diberikan nombor rujukan tanpa sebarang maklumat lanjut atau butiran hubungan. Data sekunder juga menyerlahkan kisah sebuah keluarga Rohingya yang bergelut dengan kesihatan mental berikutan penahanan anak lelaki mereka. Keadaan mereka bertambah buruk atas kebimbangan bahawa salah seorang anak perempuan mereka mungkin juga akan ditahan di masa akan datang sebab dia masih tidak dapat mendaftar dengan UNHCR.<sup>75</sup>

Peserta utama menekankan bahawa disebabkan oleh ketakutan dan tekanan di atas, pelarian berasa terdesak dan terpaksa memilih cara penyelesaian negatif untuk melindungi seluruh keluarga mereka, seperti terdedah kepada sindiket yang mengeluarkan dan menjual kad UNHCR palsu kepada pelarian dengan harga serendah RM150 (€31).<sup>76</sup> Tinjauan literatur dan temu bual menekankan bahawa ketakutan ditahan bertambah buruk sebab kekurangan dokumentasi UNHCR. Gejala kesihatan mental negatif ternyata berkurang secara ketara selepas pelarian dapat mendaftar dengan UNHCR dan mendapatkan kad pelarian.

71 Temu bual dengan Malaysia Relief Agency (MRA), 27 Februari 2023

72 International Organization of Migration (2021) [The Implications of COVID-19 on Health and Protection Risks Among Rohingya Refugees and other Migrant Communities in Malaysia](#)

73 Temubual dengan HOST International Malaysia, 30 Januari 2023

74 Pendaftaran kad SIM telefon bimbit di Malaysia memerlukan beberapa bentuk dokumen pengenalan diri termasuk pasport dan kad pengenalan.

75 Temubual dengan HOST International Malaysia, 30 Januari 2023.

76 Ibid.; The Star (2020) [Major blitz to verify UNHCR cards](#)





## Gangguan hubungan dan struktur keluarga

Penahanan mempunyai impak yang mendalam terhadap struktur keluarga akibat pemisahan ahli-ahli keluarga, dan ini secara tidak langsung akan menyebabkan keretakan hubungan dalam sesebuah keluarga.

Kajian mendapati banyak contoh di mana penyatuan semula keluarga dihalang kerana ahli keluarga mereka ditangkap apabila mereka tiba di Malaysia. Peserta utama memberi contoh mengenai Rohingya yang telah menabung selama bertahun-tahun untuk membiayai perjalanan keluarga mereka ke Malaysia. Namun, apabila keluarga mereka ditangkap sejurus selepas mereka tiba di Malaysia dengan bot, dan kebanyakannya belum dibebaskan dari tahanan sampai sekarang. Kisah-kisah ini juga direkodkan dalam data sekunder. Penyatuan semula keluarga yang terhalang akibat penahanan telah menambahkan lagi tekanan yang dialami oleh pelarian di sini, seperti tekanan psikologi kerana berjauhan daripada keluarga untuk tempoh yang lama, dan tekanan kewangan dari pembiayaan perjalanan ahli keluarga mereka ke Malaysia.

Penahanan memisahkan banyak keluarga secara sembarangan, tanpa mengambil kira faktor kerentanan atau kelemahan tertentu. Contohnya, wanita hamil ditahan atau dibiarkan tanpa akses kepada keluarga atau bantuan perubatan, dan kanak-kanak ditahan tanpa ibu bapa mereka. Pemisahan ahli keluarga adalah penemuan yang kerap muncul dalam kedua-dua data sekunder dan temu bual, dan jelas merentasi konteks dan struktur kekeluargaan yang berbeza.

Pasangan yang baru berkahwin sering dipisahkan berikutan penahanan. Ini merupakan kesan khusus penahanan - halangan dalam pertumbuhan dan perkembangan keluarga. Perpindahan pasangan bertunang dan pengantin baharu "agak tidak boleh diterima" dan tidak adil, kerana mereka dipisahkan selepas beberapa bulan memulakan kehidupan baharu hanya kerana "sesebuah (kekurangan) dokumen".

Contoh lanjut kesan penahanan terhadap hubungan keluarga ialah kerosakan ikatan antara ibu bapa dan anak-anak, di mana bukti telah menunjukkan ianya sangat penting untuk perkembangan jangka panjang bayi. Terdapat beberapa kes di mana ibu bapa berada dalam tahanan dan ketinggalan masa kelahiran bayi mereka, atau ada kes yang bayi mereka telah dipisahkan dan dihantar pulang. Kes-kes ini jelas telah memberi kesan kepada hubungan antara ibu bapa dan anak. Dalam satu kes, keluarga Rohingya-Indonesia semuanya ditahan kerana status mereka yang tidak berdokumen. Ibu dan bayi itu akhirnya dihantar pulang ke Indonesia manakala bapa Rohingya kekal dalam tahanan imigresen di Malaysia. Peserta utama juga melaporkan kes anekdot di mana ibu bapa Rohingya yang cuba mencari rezeki selepas pasangan mereka ditahan terpaksa menempatkan anak-anak di pusat jagaan harian, atau dengan keluarga angkat. Komplikasi timbul apabila keluarga angkat telah membina hubungan yang rapat dengan anak tersebut dan enggan mengembalikan anak itu kepada ibu bapa kandungnya yang telah dibebaskan daripada tahanan. Dalam contoh di atas, penghakisan hubungan kekeluargaan ini memberi kesan langsung kepada kesejahteraan psikologi kanak-kanak kerana ianya mewujudkan kekeliruan tentang siapa ibu bapa dan keluarga mereka.

Kajian ini juga mendapati beberapa contoh pasangan Rohingya yang berkahwin semula selepas pasangan mereka ditahan. Keputusan sebegini sering dibuat atas keperluan psikososial dan perlindungan yang berbeza-beza. Perkahwinan semula mungkin menyebabkan pecahan struktur keluarga tradisional, mengakibatkan penyelewengan hubungan keluarga, dan juga kemerosotan hubungan tersebut, contohnya apabila keluarga baru tersebut berpindah ke tempat lain. Perkahwinan yang tergendala boleh memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi kanak-kanak dan menambahkan lagi pelbagai tekanan berkaitan penghijrahan yang telah mereka hadapi. Selanjutnya, peserta utama menceritakan bahawa amalan berkahwin semula sering menyebabkan ketegangan dan potensi keretakan dalam masyarakat, terutamanya apabila pasangan dalam tahanan dibebaskan, hanya untuk mendapati bahawa unit keluarga yang mereka harapkan untuk bersatu semula tidak lagi wujud. Walaupun keputusan untuk berkahwin semula bukan akibat langsung daripada penahanan imigresen, harus diingat bahawa penahanan pasangan itu menimbulkan pelbagai faktor sosial, kewangan, dan perlindungan yang dihadapi warga Rohingya – terutamanya wanita – di Malaysia, yang menyumbang kepada keputusan mereka untuk berkahwin semula.<sup>77</sup>

### Perkahwinan Diatur dan Perkahwinan Paksa

Kesan penahanan imigresen terhadap pasangan tunang adalah jelas. Ramai wanita dan gadis Rohingya datang ke Malaysia untuk bertemu dan berkahwin dengan tunang mereka. Namun, mereka ditahan selepas ketibaan, dan akhirnya tidak dapat berkahwin dan membina sebuah keluarga seperti yang dijangka. Data sekunder melaporkan bahawa tunang mereka berasa sedih kerana tidak dapat memulakan keluarga seperti yang mereka inginkan.

Laluan berhijrahan wanita dan kanak-kanak perempuan Rohingya dibentuk mengikut jantina. Data sekunder dan temu bual menunjukkan bahawa perkahwinan diatur adalah biasa dalam kalangan masyarakat Rohingya di mana, wanita Rohingya akan dibawa merentasi sempadan negara untuk berkahwin dengan suami di Malaysia. Bakal suami ini akan membayar "mas kahwin" kepada keluarga wanita dan kanak-kanak perempuan tersebut, atau membuat bayaran kepada penyeludup atau pedagang manusia.

Penemuan ini juga selaras dengan data sekunder yang menunjukkan bahawa beberapa pertunangan yang diatur telah melibatkan gadis bawah umur dan bahawa beberapa wanita dan gadis telah diseludup atau diperdagangkan dari Myanmar atau Bangladesh ke Malaysia untuk berkahwin dengan suami yang tinggal di Malaysia. Merujuk kepada perkahwinan paksa, data dalam kajian ini kebanyakannya dimaklumkan oleh lelaki yang terjejas, dan menunjukkan tekanan yang dihadapi selepas tunang mereka ditahan. Tekanan ini bertambah buruk kerana isu kewangan di mana lelaki itu telah membayar wang--kepada penyeludup atau pedagang haram, dan/atau dalam bentuk mas kahwin--untuk pengantin perempuan. Penghantaran mas kahwin adalah amalan biasa bagi pihak lelaki Rohingya. Lelaki Rohingya yang ingin berkahwin sukar mencari pasangan di

Malaysia.<sup>78</sup> Oleh itu, amalan ini yang telah wujud selama beberapa dekad dalam masyarakat Rohingya di Malaysia masih terus diguna pakai.<sup>79</sup>

Walaupun data menggariskan perspektif dan pengalaman lelaki, pengalaman wanita dan kanak-kanak perempuan mesti diberi perhatian untuk memahami realiti perkahwinan paksa ini. Akibat penganiayaan di Myanmar dan keadaan yang teruk di kem pelarian Bangladesh, wanita dan kanak-kanak perempuan Rohingya menghadapi situasi kerentanan dan risiko keganasan berasaskan jantina dalam perkahwinan diatur. Keputusan untuk berkahwin dengan lelaki yang tidak dikenali dan mengambil perjalanan berbahaya ke Malaysia selalunya merupakan keputusan yang terpaksa untuk kelangsungan hidup. Ianya adalah keputusan yang dibuat atas sebab kesusahan kewangan dan norma budaya di mana pendapat wanita dan kanak-kanak perempuan jarang diambil kira. Walaupun mereka mungkin rasa takut, ramai wanita dan kanak-kanak perempuan terpaksa membuat keputusan ini, dan mengharapkan bahawa pilihan untuk berkahwin dengan lelaki di Malaysia mungkin merupakan peluang untuk melarikan diri daripada keadaan hidup yang sukar, menyara keluarga mereka, dan mengakses “kehidupan yang bermaruah”.<sup>80</sup>

Sebagai tambahan kepada risiko perjalanan yang tidak teratur, terutamanya melalui laut, di mana beratus orang telah meninggal dunia, terdapat juga laporan pedagang haram yang merogol, memukul, membunuh, dan menafikan ruang, makanan, dan air yang mencukupi kepada pelarian semasa perjalanan mereka. Apabila tiba di Malaysia, kisah ngeri ini berterusan bagi ramai wanita dan kanak-kanak perempuan Rohingya. Ada yang mendapati diri mereka mengalami keganasan rumah tangga daripada suami mereka, dan bagi yang lain, perjalanan mengerikan mereka berakhir dengan tahanan imigresen. Kebanyakan wanita dan gadis muda ini tidak mempunyai sokongan dan menghabiskan bertahun-tahun hidup dengan realiti ini.

## Kesan Penahanan Imigresen Mengikut Jantina

Wanita Rohingya menghadapi sikap patriarki dan norma sosial serta budaya diskriminasi yang berakar umbi. Amalan patriarki ini juga mempengaruhi pengalaman mereka jika ahli keluarga mereka ditahan. Di samping kekurangan status sah, norma sosial dalam komuniti Rohingya tidak menggalakkan wanita bekerja, dan menyekat kebebasan mereka untuk bergerak ke ruang peribadi.<sup>81</sup> Peranan jantina tradisional ditakrifkan dengan jelas dalam masyarakat Rohingya di mana wanita mengambil peranan mengasuh dan mengurus rumah tangga, manakala lelaki berperanan sebagai pencari nafkah, dan dijangka untuk bekerja dan menyara kehidupan keluarga. Ramai peserta utama berkongsi bahawa pembahagian kerja mengikut jantina dan akses kepada perkhidmatan awam ini juga diperkukuh oleh halangan bahasa, kerana ramai wanita Rohingya tidak mempunyai peluang untuk belajar bahasa Melayu atau mana-mana bahasa yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan komuniti tempatan.<sup>82</sup> Ini secara langsung meletakkan mereka pada tahap yang tidak sama seperti lelaki Rohingya, dan mereka terpaksa bergantung pada lelaki dari segi ekonomi dan budaya, di mana lelaki dalam masyarakat Rohingya dijangka mencari nafkah dan memberi perlindungan bagi wanita dan kanak-kanak. Memandangkan lelaki Rohingya lebih berkemungkinan besar ditahan berbanding dengan wanita Rohingya, keseluruhan keluarga itu mungkin akan menghadapi kekangan kewangan, kehilangan mata pencarian, dan kerentanan sosial berikutan penahanan pencari nafkah keluarga tersebut.<sup>83</sup> Ini merupakan trend utama yang dikenal pasti daripada temu bual, data sekunder dan tinjauan literatur yang mendedahkan kesan melata penahanan imigresen terhadap keluarga, khususnya wanita.

*“(Penahanan lelaki Rohingya) mengorbankan banyak perkara pada masa yang sama. Anda mengorbankan seorang pelindung, seorang pencari nafkah, seorang penghubung utama dan mobiliti. Semua ini memberi impak yang besar terhadap wanita. [...]walaupun hanya seorang ahli keluarga yang berada dalam tahanan, dan selainnya bebas di luar tahanan, secara realiti, anda bukan hanya menahan satu orang, anda menahan seluruh keluarga. Secara tidak langsung, seluruh keluarga tersebut telah dipenjarakan sebab semua akses yang mereka ada telah putus sejourus seseorang lelaki Rohingya ditahan. Seluruh keluarga itu telah dikurung dalam sebuah penjara sosial.” – Lilianne Fan, Geutanyoë Foundation.*

Penahanan pencari nafkah akan memberi kesan serta-merta terhadap keluarganya akibat kehilangan mata pencarian dan ada yang akhirnya jatuh miskin. Ramai yang tidak mampu menanggung perbelanjaan harian seperti makanan dan barangan runcit, bayaran bil dan sewa, apatah lagi membiayai perbelanjaan perubatan atau pendidikan. Dalam kebanyakan kes, kanak-kanak terpaksa berhenti belajar kerana keluarga mereka kekurangan pendapatan, dan ada ahli keluarga yang terpaksa berhenti mendapatkan rawatan perubatan untuk penyakit mereka kerana tidak mampu menanggung bayaran rawatan.

Peserta utama melaporkan kesan kehilangan mata pencarian terhadap kanak-kanak. Beberapa kes telah dilaporkan di mana kanak-kanak ditahan semasa mereka bekerja atas desakan untuk menyara keluarga mereka. Dalam sesetengah kes, ibu bapa terpaksa mempertimbangkan untuk menjual anak mereka kepada orang yang ingin “mengambil anak angkat”, dan seorang bapa mempertimbangkan untuk menyerahkan anak-anaknya ke pusat tahanan supaya mereka boleh tinggal bersama ibu mereka yang

78 Al Jazeera (2019) [Rohingya women, girls being trafficked to Malaysia for marriage](#)

79 Al Jazeera (2013) [Rohingya refugees import ‘mail-order’ brides](#)

80 Reuters (2017) [Sold into marriage - how Rohingya girls become child brides in Malaysia](#); Fortify Rights (2019) [Malaysia: End Child Marriage, Protect Rohingya Refugee Girls](#)

81 Temu bual dengan HOST International Malaysia, 30 Januari 2023; Temu bual dengan Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), 6 Februari 2023; Women's Aid Organisation (WAO) & Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR), (2020) [Sexual and Gender-Based Violence Among Refugee Communities in Malaysia](#)

82 Temu bual dengan Yayasan Geutanyoë, 10 Mac 2023

83 Temu bual dengan Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), 6 Februari 2023; International Organization of Migration (2021) [The Implications of COVID-19 on Health and Protection Risks Among Rohingya Refugees and other Migrant Communities in Malaysia](#)



ditahan, sebab dia keseorangan tidak mampu untuk menjaga anak-anaknya.<sup>84</sup> Contoh ini juga menyerlahkan bagaimana peranan jantina tradisional dalam komuniti Rohingya boleh memberi kesan terhadap penahanan imigresen. Mengikut salah satu contoh di atas, kanak-kanak menghadapi peningkatan risiko penahanan yang boleh dielakkan atas sebab kekurangan keupayaan dan sokongan lelaki Rohingya untuk menyesuaikan diri dengan peranan pengasuh. Kesan terhadap kanak-kanak perempuan yang ibu bapanya ditahan amat membimbangkan kerana mereka menghadapi peningkatan kerentanan dan risiko eksploitasi yang lebih tinggi dalam perkahwinan paksa dan pelacuran.<sup>85</sup>

*“Apabila suami ditangkap, ditahan, atau meninggal dunia misalnya, kami tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Kami hanya tahu dua alternatif, iaitu: kami sama ada mengemis atau berkahwin semula dengan lelaki lain”. - Peserta utama daripada RLO*

Selepas penahanan pasangan lelaki mereka, pasangan wanita akan menghubungi keluarga dan ahli komuniti mereka untuk mencari rezeki dan sokongan yang mereka perlukan untuk membesarkan dan melindungi anak-anak mereka. Namun begitu, kaum wanita Rohingya sukar mendapat pekerjaan dan pendapatan kerana kekurangan status sah dan hak untuk bekerja. Mereka juga berdepan dengan norma jantina dan persepsi sosial dalam komuniti Rohingya dan tuan rumah Malaysia yang menyekat peluang mereka mendapat pekerjaan. Kebanyakannya terpaksa berhutang dan diusir keluar dari rumah mereka.

Kekurangan akses kepada mata pencarian telah membina dan mengukuhkan ketergantungan yang tinggi kepada kaum lelaki di mana mereka dijangka memberi sokongan dan perlindungan kewangan dan sosial kepada seorang wanita dan keluarganya. Naratif penting daripada temu bual dan data sekunder menunjukkan bahawa ramai wanita Rohingya akan berpindah ke rumah ahli komuniti lain yang boleh menyokong mata pencarian mereka dan menyediakan tempat perlindungan untuk mereka. Sokongan komuniti sedemikian yang didorong oleh kebaikan hati dan nilai komuniti amatlah berharga dalam menyokong wanita dan keluarga mereka apabila pencari nafkah keluarga mereka ditahan. Walau bagaimanapun, kajian mendapati sokongan ini juga ada kosnya. Peserta utama melaporkan bahawa wanita dalam keadaan ini terdedah kepada risiko terhadap SGBV yang tinggi. Laporan menunjukkan bahawa dalam beberapa kes, lelaki melakukan serangan seksual dan keganasan fizikal terhadap wanita yang berada dalam situasi yang sangat terdedah, kehilangan rumah dan suami mereka dalam tahanan serta memerlukan sokongan daripada komuniti. Selain itu, temu bual dan data sekunder menunjukkan bahawa sesetengah lelaki juga melakukan penderaan sosial dan emosi kepada wanita di rumah mereka. Sebagai contoh, dalam banyak kes, mobiliti wanita disekat dan ditentukan oleh ketua keluarga lelaki, dan ini mungkin menyebabkan pertengkaran dan konflik.

Peserta utama juga menekankan dinamik ‘terhutang budi’ sebagai salah satu faktor penyumbang kepada peningkatan kerentanan dan risiko keganasan wanita Rohingya. Wanita yang menerima sokongan ahli komuniti selepas pasangan mereka ditahan juga berhadapan dengan tekanan komuniti untuk membayar balik hutang budi yang diberi.<sup>86</sup> Peserta utama mengenal pasti bahawa oleh sebab wanita sering tidak dapat mengakses pendapatan tetap untuk membayar balik secara kewangan, mereka kadang-kadang dijangka untuk membayar balik hutang budi dengan cara lain, terutamanya secara seksual kepada keluarga lelaki atau ahli komuniti.

Peserta utama menyatakan bahawa pengalaman keganasan ini sangat traumatik bukan sahaja bagi wanita, tetapi juga anak-anak mereka yang sering menyaksikan penderaan atau juga didera. Wanita juga mempunyai akses yang terhad kepada mekanisme perlindungan, keadilan dan perkhidmatan sokongan untuk menangani SGBV,<sup>87</sup> dan ini menyukarkan pengalaman mereka selepas pasangan mereka ditahan. Laporan telah menunjukkan bahawa pelarian sering dinafikan hak untuk menggunakan perlindungan yang tersedia kepada mereka di bawah undang-undang Malaysia seperti Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Kanun Keseksaan kerana pelaksanaan yang tidak konsisten dan xenofobia dalam kalangan pegawai penguatkuasa.<sup>88</sup> Akses kepada tempat perlindungan keganasan rumah tangga kerajaan juga bergantung pada laporan polis rasmi. Ini adalah penghalang bagi kebanyakan wanita pelarian kerana pihak polis mempunyai kuasa untuk menangkap pelarian pada bila-bila masa. Akibatnya, mangsa SGBV Rohingya yang cuba mendapat pertolongan dan sokongan akan terdedah kepada risiko tinggi ditahan.<sup>89</sup> Untuk mengakses mekanisme sokongan ini, mangsa juga mungkin menghadapi halangan bahasa kerana kebanyakan talian hotline kerajaan tidak menyediakan perkhidmatan pentafsiran. Walaupun terdapat sokongan alternatif yang ditawarkan oleh NGO, ini adalah terhad dan ramai wanita Rohingya sering tidak mempunyai kesedaran atau pemahaman tentang rangkaian sokongan yang sedia ada.<sup>90</sup> Tambahan pula, wanita Rohingya juga perlu menavigasi stigma yang lazim di sekitar isu SGBV yang juga menghalang mereka daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan.<sup>91</sup>

Penahanan pasangan oleh imigresen mempunyai kesan yang lebih besar terhadap wanita dan kanak-kanak atas faktor-faktor yang berbeza susulan amalan patriarki dalam komuniti Rohingya, dan kedudukan sosial dan ekonomi wanita dalam komuniti. Kajian ini menekankan bahawa apabila pasangan seseorang wanita Rohingya ditahan, dia bukan sahaja perlu menghadapi tekanan psikologi daripada penahanan orang yang mereka sayangi; tetapi dia juga berhadapan dengan ketidakadilan kuasa yang melumpuhkan wanita. Dalam usaha menentangi cabaran-cabaran ini, kajian mendapati bahawa walaupun pilihan yang sedia ada adalah terhad, wanita Rohingya tetap menunjukkan kepintaran dan daya tahan mereka dalam mengatasi pelbagai kesusahan dan kekurangan sokongan untuk mendapatkan mata pencarian dan memberi perlindungan kepada keluarga dan anak-anak mereka.

84 Temu bual dengan HOST International Malaysia, 30 Januari 2023

85 Temu bual dengan Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), 6 Februari 2023

86 Temu bual dengan Yayasan Geutanyoë, 10 Mac 2023

87 Women's Aid Organisation (WAO) & United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), (2020) [Sexual and Gender-Based Violence Among Refugee Communities in Malaysia](#)

88 Ibid.

89 Ibid.

90 Women's Aid Organisation (WAO) & United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), (2020) [Sexual and Gender-Based Violence Among Refugee Communities in Malaysia](#)

91 Temu bual dengan Yayasan Geutanyoë, 10 Mac 2023; Akhter, S., & Kusakabe, K. (2014) [Gender-based violence among documented Rohingya refugees in Bangladesh](#). Indian Journal of Gender Studies.

## Mobiliti Komuniti Sebagai Respons Terhadap Penahanan Imigresen

Kajian ini mendapati bahawa komuniti Rohingya bertindak untuk menjaga satu sama lain apabila berlaku penahanan ahli komuniti Rohingya. Ini ditunjukkan dalam empat cara yang berbeza: a) mendapatkan bantuan daripada UNHCR atau NGO yang relevan untuk melindungi ahli komuniti yang telah ditahan serta ahli komuniti lain yang menghadapi risiko besar ditahan; b) menggunakan rangkaian komuniti untuk memberi amaran dan perlindungan kepada komuniti Rohingya; c) berusaha untuk membebaskan tahanan; dan d) memberi sokongan kepada ahli keluarga tahanan dari segi keperluan asas mereka.

Data yang dikumpul menunjukkan bahawa respons utama komuniti Rohingya terhadap penahanan ahli keluarga atau ahli komuniti adalah dengan mendapatkan bantuan daripada UNHCR atau NGO. Daripada data sekunder, permintaan bantuan adalah dari dua sasek dan konsisten dalam hampir semua kes yang telah berlaku - (1) bantuan dalam pembebasan tahanan dan (2) bantuan untuk mendapatkan kad UNHCR untuk tahanan, dan orang lain yang berisiko terhadap penahanan. Ramai yang menyatakan kekecewaan mereka atas kelewatan dan jurang komunikasi dan ketelusan dengan UNHCR. Akibatnya, ramai yang perlu mendapatkan kad UNHCR bagi mereka yang berisiko melalui bantuan NGO.

Selanjutnya, salah satu langkah di mana komuniti bertindak balas terhadap serbuan imigresen dan penahanan ahli komuniti adalah dengan berwaspada dan melindungi orang lain dalam komuniti mereka. Peserta utama berkongsi bahawa apabila serbuan berlaku, Rohingya menyebarkan amaran dan maklumat di seluruh rangkaian mereka untuk mengingatkan orang lain supaya berhati-hati dan menghadkan pergerakan mereka. Peserta utama berkongsi bahawa beberapa komuniti Rohingya juga mengamalkan mekanisme yang proaktif untuk melindungi komuniti, terutamanya melalui poster atau notis, dan memacu keahlian komuniti dengan mengeluarkan dokumen pengenalan komuniti. Dokumen-dokumen ini adalah untuk tujuan pengenalan dalam komuniti sahaja, dan butiran yang dikumpul juga bertujuan untuk menyokong ahli-ahli komuniti dalam permohonan mereka untuk proses penentuan status pelarian UNHCR, jika mungkin. Langkah-langkah ini dikemukakan atas kesedaran tentang kepentingan mempunyai dokumentasi dan ini akan memberi sekurang-kurangnya satu lapisan perlindungan kepada warga pelarian.<sup>92</sup>

Terdapat juga contoh ahli komuniti berusaha secara sendiri dalam pembebasan tahanan melalui pelarasan dengan komuniti dan pihak berkuasa. Pemberi maklumat utama menggambarkan bahawa apabila komuniti mengetahui bahawa jika pembebasan dibenarkan melalui saluran tidak formal, mereka akan berpusu-pusu mengumpul dana – selalunya sebanyak beribu-ribu Ringgit Malaysia<sup>93</sup> - untuk membayar rasuah kepada pihak berkuasa untuk membebaskan ahli keluarga mereka, walaupun kaedah ini bukan prosedur rasmi atau memberi jaminan pembebasan. Memandangkan kekurangan saluran untuk Rohingya mendapat bantuan bagi menjamin pembebasan ahli keluarga mereka, ini sering kali merupakan satu-satunya cara yang mungkin boleh digunakan untuk membebaskan ahli keluarga, dan ramai yang menabung khusus untuk tujuan ini.<sup>94</sup> Satu lagi usaha pembebasan adalah dengan mengekalkan talian komunikasi terbuka dengan pegawai polis dan imigresen. Adakala mereka dibenarkan untuk berhubung dengan ahli keluarga yang ditahan. Walaupun amalan-amalan ini tidak diamalkan secara meluas, ia menunjukkan amalan dan struktur dalam komuniti yang mungkin boleh dilaksanakan oleh ahli keluarga dan komuniti sebagai respons langsung untuk membebaskan ahli keluarga mereka.

Selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh komuniti dalam usaha pembebasan tahanan, kajian ini juga menunjukkan bahawa komuniti Rohingya bertindak melalui sokongan terhadap ahli keluarga tahanan dalam segi perbelanjaan sara hidup mereka, terutamanya dalam kes di mana pencari nafkah keluarga telah ditahan.

*“Komuniti terdekat di kawasan itu akan menyokong satu sama lain - wang, makanan, dan kata-kata semangat supaya mereka tahu mereka tidak bersendirian. Komuniti juga boleh mendapatkan bantuan dari luar - hubungan dengan organisasi tertentu atau orang tempatan yang mereka kenali.. Kadangkala juga orang tempatan akan membantu mereka, atau masjid tempatan [akan membenarkan mereka] tinggal di surau, atau mendapat sokongan daripada ustaz atau guru agama”<sup>95</sup> - Mohd Azmi Abdul Hamid, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)*

Selalunya, ahli komuniti dilaporkan memberikan sokongan kewangan, ada yang membantu perbelanjaan perubatan seperti kos bersalin, dan yang lain menyumbangkan jumlah yang mereka mampu untuk membantu keluarga Rohingya membayar bil mereka. Kes-kes lain menunjukkan bahawa ahli keluarga juga sering memberi sokongan dalam segi bantuan kewangan, kedua-dua ibu bapa yang menyokong kewangan anak perempuan dan cucu-cicit. Dalam satu kes, saudara lelaki seorang tahanan mengambil tanggungjawab untuk menyokong kewangan keluarga saudara yang ditahan tersebut di Bangladesh, walaupun ia membebaskan dia sendiri. Walaupun ada yang bercadang untuk membayar balik jumlah yang dipinjam setelah suami mereka keluar dari tahanan, kebanyakan orang yang memberi bantuan kepada keluarga tahanan tidak menjangkakan bayaran balik. Ahli komuniti juga meningkatkan sokongan dengan menyediakan tempat tinggal kepada ahli keluarga orang yang ditahan - kadangkala selama beberapa bulan, dan bantuan makanan, walaupun mereka sendiri mempunyai kekangan kewangan dan sumber.<sup>96</sup>

92 Dokumen pengenalan yang dikeluarkan oleh organisasi yang diketuai pelarian, walaupun tidak diiktiraf oleh mana-mana badan rasmi termasuk kerajaan Malaysia dan UNHCR, mungkin menyokong akses kepada perkhidmatan oleh NGO.

93 Setakat 31 Mac 2023, 1 Euro bersamaan dengan 4.80 Ringgit Malaysia

94 Temu bual dengan Yayasan Geutanyoë, 10 Mac 2023

95 Dalam Bahasa Malaysia, “masjid” dan “surau” kedua-duanya merujuk kepada masjid. Walau bagaimanapun, “surau” juga boleh digunakan untuk merujuk kepada bilik solat yang ditetapkan, dan biasanya lebih kecil daripada “masjid”.

96 Temubual dengan HOST International Malaysia, 30 Januari 2023



*“Apabila tahanan dibebaskan dan pulang ke komuniti, mereka diterima oleh ahli komuniti, seolah-olah komuniti itu tidak mempunyai masalah untuk menyambutnya kepulangan. Jika ianya tidak benar-benar membebaskan mereka, mereka akan jemput bekas tahanan untuk tinggal bersama mereka. Jadi, mereka menyokong bekas tahanan itu sehingga dia boleh berdikari.” – Mohd Azmi Abdul Hamid, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)*

Terdapat banyak bukti bahawa komuniti Rohingya memberikan penerimaan dan sokongan yang hampir tidak berbelah bahagi kepada ahli komuniti yang baru-baru ini dibebaskan daripada tahanan seperti yang digambarkan dalam petikan di atas. Selain menghubungkan mereka dengan RLO dan NGO, komuniti juga mengesyorkan pekerjaan untuk mereka, dan menyokong mereka untuk bersatu semula dengan keluarga dan komuniti mereka.

## Kesan ke atas Reputasi Serantau dan Antarabangsa Malaysia

Di samping kemudatan mendalam atas individu, keluarga dan komuniti Rohingya, dasar dan amalan penahanan imigresen Malaysia adalah tidak selaras di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Ini memberi kesan yang negatif terhadap reputasi antarabangsa Malaysia.

Kerajaan Malaysia mempunyai kecenderungan yang besar untuk melihat isu-isu Rohingya dan pelarian lain di Malaysia dari segi ‘securitisation’. Pandangan bahawa kumpulan itu memberi ancaman yang ketara kepada keselamatan negara atau masyarakat, didorong sebahagian besarnya oleh Kementerian Dalam Negeri dan Majlis Keselamatan Negara. Kedua-dua agensi ini berperanan besar dalam menentukan dasar mengenai Rohingya dan pelarian lain di Malaysia. Kementerian kerajaan lain sering menolak tanggungjawab mereka kepada dua agensi ini walaupun mandat mereka melibatkan hak dan perlindungan manusia, seperti kanak-kanak atau orang lain dalam kerentanan.<sup>97</sup>

Pada masa yang sama, pendekatan Malaysia terhadap pelarian, termasuk Rohingya, telah digambarkan sebagai “dasar tidak mempunyai dasar”.<sup>98</sup> Pendekatan ini telah menyebabkan amalan yang tidak konsisten dan ad hoc serta tanpa perancangan awal yang sering menyebabkan kekeliruan dan ketidakpastian, terutamanya apabila dasar berubah secara mendadak tanpa penjelasan rasmi. Kekurangan dasar yang jelas dan formal juga telah membolehkan kebanyakan aktor kerajaan untuk menggunakan budi bicara mereka sendiri dalam penguatkuasaan dan ini sering mengakibatkan amalan yang keras dan punitif. Ketidakstabilan politik yang dialami oleh Malaysia dari tahun 2020 hingga 2022, di mana kerajaan dan kabinet telah berubah tiga kali sepanjang tempoh ini juga menghalang hala tuju dan pelaksanaan dasar yang konsisten.

Pendekatan ‘securitisation’ dan “dasar tidak mempunyai dasar” berpunca daripada persepsi bahawa sebarang kelembutan terhadap pendirian negara akan “menarik” lebih ramai pelarian ke Malaysia. Terdapat juga sedikit insentif politik bagi kerajaan untuk mengubah dasarnya memandangkan sentimen awam yang negatif terhadap Rohingya. Walau bagaimanapun, selepas bertahun-tahun mengutamakan pendekatan ‘securitisation’ dan ‘ad-hoc’, adalah jelas bahawa dasar ini tidak efektif untuk menghalang kemasukan pelarian ke Malaysia seperti yang dijangka oleh kerajaan. Sebaliknya, terdapat beratus-ratus ribu pelarian yang tiba dan tinggal di Malaysia, hidup di pinggirannya dan ramai kekal terabai kerana status mereka yang tidak sah. Keadaan ini akan berterusan memandangkan realiti pahit yang menjadi punca Rohingya melarikan diri dari Myanmar dan Bangladesh masih berleluasa.

Penahanan imigresen dan pendekatan ‘securitisation’ Malaysia terhadap pelarian juga memberi kesan kepada reputasi dan kredibiliti antarabangsa Malaysia, memandangkan ketidakselarasan antara kenyataan Malaysia dalam forum serantau dan global dengan dasar dan amalan yang digubal di peringkat nasional. Sebelum ini, pemimpin politik Malaysia sering menunjukkan muhibah dan komitmen mereka terhadap kebajikan Rohingya; sokongan terbuka untuk Rohingya telah menjadi komitmen lama dan elemen agenda perpaduan Muslim global Malaysia dalam dasar luar negeri sejak 2016.<sup>99</sup> Walaupun terdapatnya perubahan dalam kepimpinan, pendirian antarabangsa ini kekal lebih kurang sama. Kenyataan-kenyataan ini bertentangan dengan dasar yang semakin keras terhadap Rohingya di peringkat nasional. Malaysia mungkin mengalami risiko dituduh hipokrit, dan menjejaskan usaha kerajaan untuk berusaha ke arah penyelesaian yang bermakna dan lestari bagi isu Rohingya yang berterusan.<sup>100</sup>

*“Semua sokongan diplomatik kami terhadap Rohingya di peringkat serantau sekian berkurangan dan cara kamimelayan [Rohingya] di sini memudaratkan keadaan ini,” kata Thomas Daniel, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia*

97 Temu bual dengan ISIS Malaysia, 3 Februari 2023

98 Daniel T (2016) *Clear Refugee Policy Needed* Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia; Daniel T (2020) *COVID-19 Highlights the Plight of Malaysia's Refugees* East Asia Forum

99 Jeffrey A. & Daniel T. (2020) *Managing inbound Rohingya: Malaysia's longstanding refugee situation takes on added urgency during the pandemic* Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia; Sukhani, P. (2020) *The Shifting Politics of Rohingya Refugees in Malaysia*. The Diplomat.

100 Jeffrey A. & Daniel T. (2020) *Managing inbound Rohingya: Malaysia's longstanding refugee situation takes on added urgency during the pandemic* Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia

Reputasi antarabangsa Malaysia juga terjejas oleh hakikat bahawa ia kini ketinggalan di belakang banyak negara dalam dasar mengenai pelarian dan pendatang - termasuk negara lain yang juga belum meratifikasi Konvensyen 1951 Berkaitan Status Pelarian. Ini termasuk rakan sejawatan ASEAN Malaysia; Indonesia dan Thailand, yang, sebagai contoh, telah mengambil langkah penting dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk menamatkan penahanan imigresen pelarian dan pemohon suaka. Berhubung dengan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Bangladesh dan Malaysia adalah satu-satunya Negara Anggota OIC yang menjadi tuan rumah kepada populasi pelarian yang ketara dan tidak membenarkan pelarian menghadiri sekolah awam, walaupun Kuala Lumpur Declaration on Rights and Access to Education for Refugees Deklarasi pada Oktober 2022 memohon semua Negara Anggota OIC untuk “memberi pelarian hak akses kepada institusi pendidikan awam” dan “menyediakan sekurang-kurangnya pendidikan rendah untuk semua, termasuk pelarian”.<sup>101</sup>

Satu lagi bidang utama di mana reputasi serantau dan antarabangsa Malaysia telah dicemari adalah berkaitan dengan penahanan imigresen kanak-kanak. Mengikut konsensus global dari negara-negara anggota PBB sejak sedekad yang lalu, penahanan imigresen kanak-kanak harus dihapuskan dalam amalan. Jawatankuasa Hak Kanak-Kanak dengan jelas menyatakan dalam Cadangan 2012<sup>102</sup> dan Ulasan Umum Bersama 2017<sup>103</sup> bahawa penahanan kanak-kanak untuk tujuan berkaitan migrasi adalah menyalahi undang-undang. Di bawah Objektif 13 Global Compact on Safe, Orderly and Regular Migration (GCM), negara-negara ahli, termasuk Malaysia, dengan tegas bersetuju untuk melaksanakan komitmen mereka dengan “berusaha untuk menamatkan amalan penahanan kanak-kanak dalam konteks migrasi antarabangsa”. Negara Anggota ASEAN telah menerima pakai ASEAN Declaration on the Rights of the Child in the Context of Migration dan Pelan Tindakan Serantau yang disertakan.<sup>104</sup> Melalui ini, Negara Anggota ASEAN telah bersetuju bahawa untuk mempromosikan kepentingan terbaik kanak-kanak itu, mereka akan berusaha untuk membangunkan “prosedur dan alternatif yang berkesan untuk penahanan imigresen kanak-kanak...dan untuk memastikan, jika mungkin, kanak-kanak dkekalkan bersama keluarga mereka dalam persekitaran bukan tahanan, serta bersih dan selamat.”<sup>105</sup>

Walaupun konsensus global mengenai isu ini dan komitmen antarabangsa dan serantaunya, Malaysia telah mundur dalam dasar dan amalannya. Setakat Januari 2023, 656 kanak-kanak lelaki dan 523 kanak-kanak perempuan masih ditahan,<sup>106</sup> dan kematian sekurang-kurangnya 7 kanak-kanak dalam tahanan direkod dari Januari hingga Disember 2022.<sup>107</sup>

101 Independent Permanent Human Rights Commission of the Organization of Islamic Cooperation (OIC-IPHRC) (2022) [Kuala Lumpur Declaration on Rights and Access to Education for Refugees](#)

102 Committee on the Rights of the Child (2012) [Report Of The 2012 Day Of General Discussion On The Rights Of All Children In The Context Of International Migration](#).

103 UN Committee on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of Their Families (CMW) (2017) Joint general comment No. 4 (2017) of the Committee on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of Their Families and No. 23 (2017) of the Committee on the Rights of the Child on State obligations regarding the human rights of children in the context of international migration in countries of origin, transit, destination and return

104 ASEAN (2019) [Declaration on the Rights of Children in the Context of Migration](#); ASEAN (2021) [Regional Plan of Action on Implementing the ASEAN Declaration on the Rights of Children in the Context of Migration](#)

105 ASEAN (2019) [Declaration on the Rights of Children in the Context of Migration](#)

106 Soalan No. 14, Notis Jawapan Lisan dalam Mesyuarat Pertama Dewan Rakyat, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas, 2 Mac 2023

107 Soalan No. 50, Notis Jawapan Lisan dalam Mesyuarat Pertama Dewan Rakyat, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas, 21 Februari 2023





Photo Credit: Danish Refugee Council



## 8. Cadangan

*“Mereka adalah manusia, dan mereka mempunyai hak - ini ialah prinsip yang kita perlu tegaskan... itulah seruan kami kepada kerajaan Malaysia”<sup>108</sup>*

Semua pihak berkepentingan yang ditemui bual untuk projek ini tidak berbelah bahagi dalam pandangan mereka bahawa dasar dan amalan penahanan imigresen Malaysia memerlukan reformasi segera. Pelaksanaan penahanan imigresen bukan sahaja berbahaya kepada individu, keluarga dan komuniti Rohingya, tetapi juga mengancam kesejahteraan masyarakat, keselamatan, dan reputasi antarabangsa Malaysia. Rohingya akan terus berhijrah demi keselamatan mereka berikutan pembunuhan beramai-ramai dan penganiayaan berterusan terhadap Rohingya di Myanmar dan keadaan yang semakin teruk di Bangladesh.<sup>109</sup> Malaysia akan terus menjadi destinasi utama mereka, memandangkan jalur laluan yang telah lama digunapakai serta rangkaian sosial dan komuniti Rohingya yang telah dibina di negara ini.

*“Kami tahu [ada risiko ditahan] tetapi sekurang-kurangnya suami kami ada di sini. Kami sedar bahawa bot kami mungkin tenggelam di laut, kami mungkin mati, kami mungkin ditahan dan kami juga menyedari masalah negara ini. Tetapi, adanya kemungkinan untuk melihat suami kami, dan bayi kami dapat jumpa ayah mereka. Itulah sebabnya kami masih datang walaupun menyedari semua kesusahan itu” - Peserta utama dari RLO*

### Keperluan untuk Pendekatan “Whole-Of-Government” dan “Whole-Of-Society”

Bagi memastikan tadbir urus migrasi adalah mampan, ia perlu ditangani sebagai isu rentas, yang ditunjangi oleh penyelarasan dan kerjasama antara beberapa kementerian, jabatan dan pelaku kerajaan Malaysia, khususnya, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Wanita, Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Undang-undang dan Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Oleh itu, melabur dalam pendekatan “Whole-Of-Government” adalah kunci dalam membina mekanisme dalaman untuk sokongan dan kebertanggungjawapan, dan memastikan keselarasan dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan merentas semua sektor dan peringkat kerajaan.

Di samping itu, sebagai tambahan kepada pendekatan “Whole-Of-Government”, kerjasama erat sesama masyarakat sivil, RLO, agensi PBB, dan CSO serantau dan antarabangsa diperlukan dalam usaha untuk menamatkan dasar dan amalan penahanan imigresen yang memudaratkan.

#### Cadangan 1: Hentikan Penahanan Imigresen Rohingya dan Kumpulan Pelarian Lain

*Pihak berkepentingan: Kerajaan Malaysia, iaitu Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri*

Kajian ini telah menunjukkan bahawa dasar penahanan imigresen Malaysia secara ketara memudaratkan keluarga dan komuniti Rohingya. Malaysia tidak boleh mengabaikan kesan penahanan ini terhadap Rohingya.

Selain kesan negatif penahanan, kerajaan Malaysia juga perlu menghentikan penahanan Rohingya dan pelarian lain kerana penahanan tidak dapat mencapai sasaran dasar - iaitu penghantaran pulang dan pencegahan. Walaupun Rohingya ditahan di bawah arahan penyingkiran, dasar ini tidak boleh dilaksanakan kerana mereka tidak mempunyai kewarganegaraan dan dengan itu tidak mempunyai negara yang boleh dihantar pulang. Dalam hal ini, tidak jelas sama ada perintah penahanan di bawah Seksyen 34 Akta Imigresen 1959/63 masih sah dipakai bagi Rohingya. Pelbagai kajian juga telah menunjukkan bahawa penahanan merupakan langkah pencegahan yang tidak berkesan, dan merupakan respons yang tidak berkesan bagi sejumlah besar orang yang berada dalam situasi yang tidak tentu, terutamanya mereka yang tidak mempunyai prospek penghantaran pulang yang selamat dan sukarela.<sup>110</sup> Walaupun kerajaan adakala membebaskan Rohingya yang didaftarkan di Malaysia menurut arahan imigresen dalaman yang diperkenalkan pada akhir 2021, pendekatan untuk hanya membebaskan Rohingya yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia ini tidak mampan dalam jangka panjang kerana Rohingya yang mengembara dari negara lain, terutamanya Bangladesh, juga tidak dapat dihantar balik, dan akan terus tertakluk kepada penahanan tanpa tempoh tertentu di Malaysia.

Penahanan juga melibatkan penggunaan dana secara tidak efisien dan penahanan Rohingya untuk tempoh tidak tertentu mempunyai implikasi yang signifikan terhadap perbelanjaan awam. Kerajaan tidak mengeluarkan maklumat terperinci mengenai kos tahanan

<sup>108</sup> Temu bual dengan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), 6 Februari 2023

<sup>109</sup> Pada bulan Februari 2023, Program Makanan Sedunia PBB (WFP) mengumumkan pemotongan bantuan makanan kepada Rohingya di Cox's Bazar, dan pada bulan Mac 2023, delegasi pegawai junta Myanmar melawat dan menemu ramah pelarian Rohingya di Cox's Bazar sebagai sebahagian daripada usaha pemulangan yang dicadangkan untuk mengembalikan Rohingya ke Myanmar. Kemerostan keadaan di Bangladesh ini berpotensi membawa kepada peningkatan pergerakan Rohingya ke Malaysia. World Food Programme (2023) [Lack of funds forces WFP to cut rations for Rohingya in Bangladesh](#); Human Rights Watch (2023) [Bangladesh: Halt 'Pilot' Plan to Return Rohingya](#); The Star (2023) [Return plan for Rohingya](#)

<sup>110</sup> International Detention Coalition (2015) [Does Detention Deter?](#)



imigresen. Namun pada April 2021, Kementerian Dalam Negeri memberitahu para wartawan bahawa kos tahanan kira-kira adalah RM30 (€6.25) seorang sehari.<sup>111</sup> Tidak jelas sama ada jumlah ini termasuk kakitangan dan overhead di pusat tahanan. Pada Oktober 2018, Jabatan Imigresen menganggarkan kos perumahan, elektrik, air dan makanan bagi setiap tahanan di pusat tahanan imigresen setiap hari adalah kira-kira RM80 (€16.67).<sup>112</sup> Namun begitu, dengan bilangan 4,424 Rohingya yang ditahan setakat Januari 2023, pada kos RM30 (€6.25) seorang, amaun penahanan ini berjumlah RM132,720 (€27,509) sehari dan RM3,981,600 (€829,500) sebulan. Tambahan pula, Rohingya sering ditahan selama berbulan-bulan, malah bertahun-tahun.

Kakitangan pusat-pusat tahanan imigresen juga telah beritahu peserta utama kajian ini tentang kehampaan dan tekanan harian yang mereka alami semasa menangani warga tahanan yang tidak boleh dihantar pulang ke negara asal. Situasi ini bertambah teruk atas keadaan yang buruk dalam pusat tahanan, termasuk kesesakan, kurang sanitasi dan cabaran kesihatan mental dan fizikal yang ketara, termasuk wabak COVID-19. Dalam mesyuarat dan perundingan dengan masyarakat sivil, kakitangan pusat tahanan juga kerap berkongsi pendapat mereka bahawa kanak-kanak tidak sepatutnya ditahan di pusat tahanan imigresen.

Atas sebab di atas, Malaysia harus menggubal undang-undang dan dasar untuk menghentikan penahanan imigresen Rohingya dan kumpulan pelarian lain kerana a) ia memudaratkan individu, keluarga dan masyarakat, b) penahanan imigresen jelas melanggar hak kanak-kanak, c) ia bukan langkah pencegahan yang berkesan, d) ia merupakan bebanan kewangan kepada pembayar cukai dan ekonomi Malaysia dan e) tiada asas undang-undang untuk mengusir komuniti tanpa kewarganegaraan seperti Rohingya.

## Cadangan 2: Menerajui Pembangunan dan Pelaksanaan Alternatif Berasaskan Komuniti kepada Tahanan Imigresen

*Pihak berkepentingan: Kerajaan Malaysia, iaitu Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri; Pertubuhan masyarakat sivil dan pelaku yang berkhidmat untuk pelarian, pendatang, kanak-kanak, dan belia; Agensi PBB, iaitu OHCHR, UNICEF, dan UNHCR*

ATD berasaskan komuniti adalah penting untuk semua pelarian dan pemohon suaka terutama sekali untuk Rohingya. Kajian telah menunjukkan bahawa ATD memberi manfaat kepada kedua-dua pihak - pelarian dan kerajaan. ATD terbukti dapat meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan pelarian, menghormati dan memenuhi hak asasi manusia, dan telah terbukti berkesan untuk mencapai objektif pengurusan perhijrahan, dengan kadar pematuhan yang tinggi di mana keperluan asas pendatang dipenuhi dan mempunyai akses kepada bantuan dan perkhidmatan undang-undang dan sosial.<sup>113</sup> Terdapat juga penjimatan kos yang ketara dalam dasar ATD - sebagai contoh, ATD berasaskan komuniti untuk kanak-kanak di Malaysia berharga kurang daripada RM9 (€1.88) sehari (termasuk utiliti, sewa, dan makanan) berbanding dengan tahanan imigresen.<sup>114</sup> Ini adalah selaras dengan data dari negara-negara lain yang menunjukkan perbezaan ketara dalam kos tahanan imigresen berbanding ATD berasaskan komuniti.<sup>115</sup>

Sebagai langkah pertama, kerajaan Malaysia perlu terus membangunkan dasar ATD untuk kanak-kanak yang tidak diiringi dan terpisah dari penjaga mereka, dan melaksanakan pembebasan kanak-kanak dari pusat tahanan imigresen. Rancangan baharu yang diumumkan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution, untuk membebaskan kanak-kanak yang tidak diiringi dan terpisah dari tahanan ke dalam penjagaan NGO perlindungan kanak-kanak<sup>116</sup> adalah perkembangan yang dialu-alukan, dan harus dimulakan dan diselaraskan dengan perubahan positif dalam dasar dan proses imigresen. Selain itu, Program Perintis ATD yang diluluskan oleh Kabinet pada 2021 tidak harus ditangguhkan lagi. Di samping itu, kerajaan Malaysia perlu mengkaji semula skop dan kriteria kemasukan program perintis untuk merangkumi resolusi lain selain daripada penghantaran pulang, dan memastikan semua kanak-kanak pelarian dan pemohon suaka, termasuk kanak-kanak Rohingya termasuk dalam skop program perintis tersebut. Kerajaan juga mesti terus melabur dalam membangunkan rangka kerja yang jelas untuk pemantauan dan penilaian perintis ATD yang memberi tumpuan kepada kepentingan terbaik kanak-kanak, termasuk menyokong pencapaian perkembangan, pendidikan, perubatan dan kesejahteraan psikososial mereka.

ATD juga tidak boleh terhad kepada kanak-kanak yang tidak diiringi dan terpisah dari penjaga mereka. Pihak kerajaan Malaysia juga harus bekerjasama dengan masyarakat sivil dan agensi PBB untuk membangunkan dan melaksanakan ATD berasaskan komuniti untuk semua kanak-kanak dan orang lain dalam situasi kerentanan, seperti pemohon suaka dan orang yang mempunyai keadaan perubatan yang sedia ada, serta memanfaatkan kerja-kerja dan usaha yang telah dilabur dalam ATD sebelum ini.

Pelaksanaan ATD adalah selaras dengan komitmen antarabangsa Malaysia, terutamanya dalam Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Konvensyen PBB mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), dan Deklarasi ASEAN mengenai Hak Kanak-Kanak dalam Konteks Migrasi. Menegakkan komitmen ini dengan membangunkan dan melaksanakan ATD berasaskan komuniti bukan tahanan untuk Rohingya dan pelarian lain dan pemohon suaka juga akan membangkitkan kedudukan dan reputasi Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa.

## Cadangan 3: Membangun dan Melaksanakan Dasar Telus dan Komprehensif mengenai Pelarian

*Pihak berkepentingan: Kerajaan Malaysia, iaitu Kementerian Dalam Negeri, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri; UNHCR*

Status quo perlu berubah memandangkan kesan buruk dasar penahanan imigresen Malaysia terhadap keluarga dan komuniti Rohingya. Ramai peserta utama menyatakan bahawa Malaysia perlu bertindak pantas untuk menangani pendekatan 'ad-hoc' semasa terhadap

111 Malay Mail (2021) [Cover their daily cost if you care so much about undocumented migrants, home minister tells human rights NGOs](#)

112 The Star (2018) [More than 1000 children detained in Immigration centres this year](#)

113 International Detention Coalition (2015) [There are Alternatives](#); International Organization for Migration (2021) [Advocating for Alternatives to Migration Detention](#)

114 Lighthouse Partnerships & SUKA Society (2019) [External Evaluation - SUKA Society Community Placement and Case Management Program](#)

115 International Detention Coalition (2015) [There are Alternatives](#)

116 The Star (2023) [Children do not belong in Immigration depots, says Saifuddin.](#)

pelarian dan kumpulan rentan yang lain. Pendekatan kerajaan sekarang yang memberi tumpuan kepada keselamatan negara dengan menyetepikan pertimbangan lain, pelaksanaan tanpa perancangan awal, amalan yang tidak konsisten, dan arahan dasar yang tidak jelas menyebabkan kemudaratan yang ketara, bukan hanya untuk Rohingya dan kumpulan pelarian lain, tetapi untuk kesejahteraan masyarakat, keselamatan dan reputasi antarabangsa negara. Oleh itu, kerajaan perlu membangunkan dan melaksanakan dasar yang telus dan komprehensif mengenai pelarian, yang memusatkan hak asasi manusia pelarian dan pemohon suaka dan selaras dengan undang-undang dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

Pintu masuk Malaysia telah terbuka selama beberapa dekad dan kebimbangan pihak kerajaan terhadap faktor tarikan bukan justifikasi untuk tidak bertindak.<sup>117</sup> Ramai peserta utama menunjukkan hakikat bahawa sudah ada generasi Rohingya yang tinggal di negeri-negeri dalam Malaysia termasuk mereka yang dilahirkan di negara ini, dan ramai telah menjalin hubungan rapat dengan masyarakat tempatan, berbahasa Melayu, dan mempunyai hubungan yang lebih kukuh dengan negara Malaysia daripada tempat lain. Sebagai contoh, pemimpin masyarakat Rohingya, kebanyakannya adalah ustaz atau imam tempatan, telah membina hubungan rapat dengan pihak berkuasa tempatan, masyarakat Malaysia, FBO, dan NGO, ramai di antaranya menyokong dan bersepakat dengan komuniti Rohingya.

Sebagai langkah serta-merta, UNHCR perlu mengutamakan pendaftaran Rohingya (dan pelarian lain) dan proses ini harus dipermudahkan oleh pihak berkuasa. UNHCR mesti diberikan akses untuk menjalankan pendaftaran dan RSD sambil menunggu penggubalan dasar yang jelas dan telus mengenai pelarian dan pemohon suaka. Dokumen UNHCR adalah alat perlindungan utama di Malaysia dan seperti yang dibincangkan di atas, ketiadaan dokumen UNHCR adalah punca utama kebimbangan dan tekanan dalam kalangan komuniti Rohingya. Dokumen UNHCR bukan sahaja memberi perlindungan yang terhad terhadap penangkapan dan penahanan, ia juga memudahkan akses yang perkhidmatan kesihatan dan lain-lain. Sebagai langkah segera, penggantungan akses tetap UNHCR ke pusat tahanan imigresen perlu dilupuskan untuk memudahkan keupayaan mereka untuk meneruskan pendaftaran dan RSD.

Pekeliling Peguam Negara 2005 dan Pekeliling Imigresen 2021, dan prosedur penangkapan dan penahanan perlu diselaraskan. Memandangkan dokumen dasar dalaman ini membenarkan pembebasan Rohingya yang didaftarkan oleh UNHCR, pihak penguatkuasa harus secara konsisten dan aktif, mengambil langkah-langkah untuk menggunakan Aplikasi UNHCR Verify Plus atau menyelaras dengan UNHCR untuk mengelakkan penahanan Rohingya yang telah didaftar.

#### **Cadangan 4: Memanfaatkan pengajaran yang diperoleh daripada negara-negara yang serupa, terutamanya di ASEAN, dan meneruskan penglibatan serantau dan antarabangsa untuk meningkatkan penyelarasan dan mendapatkan sumber tambahan**

*Pihak berkepentingan: Kerajaan Malaysia, iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Malaysia jauh ketinggalan di belakang banyak negara dalam segi dasar dan amalan berkaitan dengan isu pelarian dan pemohon suaka, terutamanya kanak-kanak dan orang lain dalam situasi yang rentan. Malaysia merupakan negara yang paling jauh ketinggalan dari segi penahanan imigresen kanak-kanak. Walaupun banyak negara telah menuju ke arah menamatkan penahanan imigresen kanak-kanak, Malaysia masih mundur dalam dasar dan amalannya, ketinggalan berbanding negara jiran ASEAN yang telah menuju ke arah menamatkan penahanan imigresen pelarian dan pemohon suaka, termasuk kanak-kanak dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Malaysia harus mencontohi dasar dan amalan rakan sejawat ASEAN dan negara lain yang mempunyai pengalaman yang serupa. Sebagai contoh, Thailand, yang juga tidak menandatangani Konvensyen 1951 Berkaitan Status Pelarian, menjadi tuan rumah sejumlah besar pelarian, pemohon suaka, dan pendatang dengan status yang tidak teratur, seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, Thailand telah mengambil langkah penting ke arah Mekanisme Saringan Kebangsaan (NSM) untuk orang yang “tidak dapat atau tidak mahu kembali ke negara asal mereka kerana kemungkinan bahaya”.<sup>118</sup> Thailand juga telah muncul sebagai pemimpin serantau dan global dalam usaha untuk menamatkan tahanan imigresen kanak-kanak. Pada tahun 2019, wakil tujuh agensi Kerajaan Thailand telah menandatangani Memorandum of Understanding on the Determination of Measures and Approaches Alternatives to Detention of Children in Immigration Detention Centres (MOU-ATD), serta Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk melaksanakan MoU-ATD mulai September 2020. MoU-ATD tersebut adalah hasil konkrit dari komitmen Perdana Menteri Prayut Chan-o-cha semasa Sidang Kemuncak Pemimpin 2016 mengenai Pelarian di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York untuk menamatkan penahanan imigresen kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak yang mencari suaka di Thailand. Sejak Januari 2019, lebih 500 kanak-kanak dan 150 ibu bapa telah dibebaskan daripada tahanan imigresen di Thailand.<sup>119</sup> Walaupun MoU-ATD tersebut tidak menggariskan peruntukan khusus untuk pelarian Rohingya, laporan menunjukkan bahawa ramai Rohingya menerima perlindungan di bawah MoU-ATD. Selanjutnya, pihak berkepentingan kerajaan Thailand juga dilaporkan menajui perundingan dengan masyarakat sivil Thailand, NGO antarabangsa, dan agensi PBB untuk mengenal pasti model ATD yang berkesan khusus untuk kanak-kanak Rohingya dan keluarga mereka.<sup>120</sup> Kerajaan Thailand adalah Negara Juara<sup>121</sup> di bawah Global Compact for Migration dan telah berikrar di International Migration Review Forum (IMRF) pada Mei 2022 untuk melaksanakan ATD secara berkesan untuk kanak-kanak. Dalam usaha untuk memenuhi ikrar ini, Thailand sedang menjalankan penilaian bebas terhadap sistem dan proses ATD mereka untuk kanak-kanak dalam keluarga, dengan kerjasama agensi-agensi antarabangsa dan International Detention Coalition.

Di Indonesia, “Nota Pekeliling Direktorat Jenderal Imigresen, Kementerian Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia untuk Mengembalikan Fungsi Pusat Tahanan Imigresen” 2018, memperuntukkan bahawa pemohon suaka dan pelarian dikecualikan daripada penahanan imigresen walaupun mereka masuk ke negara ini secara tidak sah.<sup>122</sup> Sebagai tindak balas kepada pekelling ini, Indonesia telah

117 Jeffrey A. & Daniel T. (2020) *Managing inbound Rohingya: Malaysia's longstanding refugee situation takes on added urgency during the pandemic* Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia  
 118 VOA News (2022) *Thailand Sets Long-Awaited Rules for Vetting Asylum Seekers*  
 119 Maklumat dalam fail dengan International Detention Coalition  
 120 Ibid.  
 121 United Nations Network on Migration (2020) *Global Compact For Migration - Champion countries*  
 122 Directorate General of Immigration (DGI) Circular on Restoring the Function of Immigration Detention Centres, 30 July 2018; Permanent Mission of the Republic of Indonesia to the United Nations, WTO, and Other International Organisations in Geneva (2020) *Questionnaire of The Special Rapporteur on The Human Rights of*



menghentikan penahanan imigresen pelarian dan orang yang memohon suaka, walaupun ia tidak meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 atau Protokol 1967, dan walaupun peruntukan dalam rangka kerja undang-undang mereka yang terus membenarkan penahanan imigresen.

Malaysia juga boleh ikut contoh kerajaan lain yang telah menggunakan pendekatan 'a whole of society' dalam bekerjasama untuk bertindak balas terhadap pelarian dan pemohon suaka. Contohnya, di Thailand, masyarakat sivil, kementerian kerajaan, agensi PBB dan pihak berkepentingan lain telah bekerjasama untuk membangunkan NSM dan melaksanakan ATD. Di Indonesia, kumpulan kerja pelbagai pihak termasuk kerajaan dan bukan kerajaan bertemu pada tahun 2021 dan 2022 untuk membincangkan akses kepada pendidikan untuk kanak-kanak pelarian, dan pada tahun 2023, mereka akan bersidang untuk membincangkan akses kepada mata pencarian.

Terdapat beberapa mekanisme untuk menyokong kerajaan Malaysia belajar daripada negara jiran ASEAN dan negara-negara yang serupa. Satu contoh yang baik ialah Regional Peer Learning Platform and Program of Learning and Action on Alternatives to Child Immigration Detention (Regional Platform), yang diadakan bersama oleh International Detention Coalition and the Asia Dialogue on Forced Migration Secretariat. Regional Platform tersebut dilancarkan pada tahun 2019, dan telah merupakan perhimpunan pelaksana ATD kerajaan dan masyarakat sivil dari lima negara di rantau ini: Australia, Indonesia, Malaysia, New Zealand, dan Thailand. Diadakan di bawah Peraturan Chatham House, Regional Platform telah memberikan ruang kepada peserta untuk membincangkan dan berkongsi pembelajaran, kejayaan, dan cabaran dalam pelaksanaan ATD. Setakat ini, pegawai kerajaan Malaysia dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Keselamatan Negara telah mengambil bahagian dalam Regional Platform.

Selain itu, United Nations Network on Migration (UNNMN) Working Group on ATD yang diketuai bersama oleh UNHCR, UNICEF, dan IDC, telah mengadakan tiga pertukaran pembelajaran rakan sebaya global berkala mengenai ATD dan sesi-sesi tersebut telah dihadiri wakil-wakil dari lebih daripada 36 kerajaan. Pertukaran pembelajaran rakan sebaya ini menghimpunkan pihak kerajaan, agensi PBB dan pelaku masyarakat sivil utama dari semua rantau dan menyediakan ruang untuk membincangkan pengalaman dengan pelaksanaan Objektif 13 GCM, berkongsi cabaran dan kebimbangan, mengenal pasti amalan yang menjanjikan, dan meneroka peluang untuk kerjasama pelbagai pihak yang berterusan, dan pendekatan 'whole-of-society'. Pertukaran ini telah ditaja oleh beberapa kerajaan yang memperjuangkan Objektif 13, termasuk Colombia, Portugal, dan Thailand. Komunikasi terbuka antara peserta dalam sesi-sesi ini adalah digalakkan bawah Peraturan Chatham House. Laporan ringkasan<sup>123</sup> dihasilkan selepas itu untuk merumuskan cabaran utama, pembelajaran, dan peluang untuk kemajuan. Di peringkat serantau, terdapat ATD Thematic Workstream of the Regional UNMN for Asia and the Pacific. Aliran kerja ini melengkapkan inisiatif UNMN global dan bertujuan untuk menyokong pembelajaran rakan sebaya dan mengukuhkan strategi advokasi serantau.<sup>124</sup>

Sokongan serantau dan antarabangsa yang lebih kukuh adalah diperlukan untuk memastikan Malaysia tidak menanggung semua kos ekonomi sebagai tuan rumah pelarian. Dalam jangka masa panjang, Kerajaan Malaysia perlu mempertimbangkan penglibatan dalam aktiviti serantau dengan negara-negara jiran untuk terus membina kerjasama serantau untuk menyokong lebih banyak pendekatan berasaskan hak dan advokasi serantau mengenai isu Rohingya, dan dasar tadbir urus perhijrahan. Selaras dengan ini, kerjasama ASEAN yang lebih menyeluruh dalam segi isu penghijrahan adalah penting. Ini dapat dilaksanakan melalui Bali Process atau kerjasama minilateral. Prospek penglibatan lanjut dengan OIC juga perlu dipertimbangkan, untuk memupuk pembelajaran dan kerjasama dengan negara-negara Islam yang lain, memanfaatkan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Hak dan Akses kepada Pendidikan untuk Pelarian untuk meneroka mekanisme serantau dalam menyokong negara-negara Islam yang menjadi tuan rumah Rohingya di rantau ini.<sup>125</sup>

### Cadangan 5: Memberi Hak Kerja kepada Rohingya dan Komuniti Pelarian Lain

*Pihak berkepentingan: Kerajaan Malaysia, iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, dan Kementerian Dalam Negeri*

Walaupun terdapat banyak organisasi yang menyediakan perkhidmatan kepada Rohingya di negeri-negeri yang berbeza di seluruh Malaysia, perkhidmatan yang sedia ada tidak mencukupi atas sebab kekangan sumber. Tambahan pula, perkhidmatan yang sedia ada sering tertumpu di kawasan bandar, dan tidak sama rata di seluruh negeri. UNHCR dan organisasi lain hanya boleh memberikan sokongan kewangan atau perumahan jangka pendek kepada bilangan kes yang sangat terhad. Seperti yang digariskan dalam bahagian "Mobiliti Komuniti Sebagai Respons Terhadap Penahanan Imigresen" di atas, komuniti Rohingya juga berusaha untuk menyokong satu sama lain menggunakan sumber terhad yang mereka ada. Kekurangan perkhidmatan yang sedia ada terutamanya dalam segi kesihatan mental amat membimbangkan memandangkan trauma yang mungkin dialami dan terus dialami oleh Rohingya yang ditahan dan keluarga mereka di Malaysia.

Seperti yang digambarkan di atas, ramai pelarian Rohingya telah bekerja secara tidak formal untuk mencari nafkah bagi diri mereka sendiri dan keluarga mereka. Dalam kerja tidak formal tersebut, mereka menghadapi risiko tinggi terhadap penderaan dan eksploitasi oleh majikan mereka, tanpa sebarang jalan untuk mendapatkan bantuan. Pemberian status sah atau visa sementara dan hak untuk bekerja kepada Rohingya adalah penting dalam menangani beberapa cabaran ini, termasuk hak untuk mendapatkan ganti rugi jika dieksploitasi oleh majikan. Beberapa kajian telah menunjukkan bukti yang kukuh tentang manfaat pemberian hak bekerja kepada pelarian. Antaranya adalah faedah ekonomi dalam bentuk peningkatan caruman kepada Keluaran Dalam Negara Kasar tahunan yang melebihi RM3 bilion (€625 juta) menjelang 2024, penciptaan beribu-ribu pekerjaan baru untuk rakyat Malaysia, dan sumbangan cukai tahunan bersamaan berjuta-juta Ringgit Malaysia.<sup>126,127</sup> Malaysia mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada buruh asing dan masih

Migrants: Ending Immigration Detention of Children and Seeking Adequate Reception and Care for Them

123 United Nation's Network on Migration (2022) [Alternatives to Detention Working Group](#)

124 Alternatives to Detention Thematic Workstream of the Regional UN Network on Migration for Asia and the Pacific (2022) [Regional Meeting Outcome Paper: Promoting Alternatives to Immigration Detention in the Asia Pacific Region](#)

125 Independent Permanent Human Rights Commission of the Organization of Islamic Cooperation (OIC-IPHRC) (2022) [Kuala Lumpur Declaration on Rights and Access to Education for Refugees](#)

126 Setakat 31 Mac 2023, 1 Euro bersamaan dengan 4.80 Ringgit Malaysia

127 Todd L., Amirullah A., & Wan Y. S. (2019) [The Economic Impact of Granting Refugees in Malaysia the Right to Work](#). Institut Demokrasi dan Hal Ehwai Ekonomi

menghadapi isu kekurangan buruh kebelakangan ini.<sup>128</sup> Oleh itu, pemberian hak untuk bekerja kepada Rohingya dan pelarian lain adalah saling bermanfaat bagi Malaysia dan juga pelarian itu sendiri, kerana ramai Rohingya telah bekerja di sektor yang memerlukan buruh asing dan juga berpotensi menyumbang lebih kepada ekonomi. Dasar ini juga akan memperkasakan komuniti Rohingya, kebanyakannya memang telah bergantung pada diri sendiri melalui pekerjaan tidak formal. Menyedari perkara ini, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia juga menggesa agar pelarian diberi hak untuk bekerja dan pekerjaan.<sup>129</sup> Sebagai langkah pertama, kerajaan harus memulakan program perintis hak kerja pelarian sebelum ini mengikut perundingan dengan dengan komuniti pelarian, RLO, dan CSO.

Selanjutnya, seperti yang diserlahkan di atas, tanpa hak untuk bekerja, wanita dan kanak-kanak perempuan amat terdedah kepada risiko SGBV, seperti perkahwinan bawah umur, dan pemerdagangan seks dan buruh.<sup>130</sup> Adanya hak untuk bekerja, wanita pelarian berpeluang untuk mengakses pendapatan yang stabil, bebas, dan mengurangkan pergantungan kewangan mereka atas ahli komuniti lelaki, dan dengan itu mengurangkan risiko mereka mengalami SGBV. Ini juga selaras dengan Cadangan Jawatankuasa CEDAW kepada Malaysia untuk “memastikan pemohon suaka dan pelarian wanita dan kanak-kanak perempuan mempunyai akses kepada peluang menjana pendapatan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sosial asas lain yang sesuai untuk keperluan khusus mereka, serta bantuan undang-undang.”<sup>131</sup>

#### **Cadangan 6: Memperkukuhkan Rangka Kerja & Perkhidmatan Yang Bersesuaian dengan Jantina kepada Rohingya dan Komuniti Pelarian Lain**

*Pihak berkepentingan: Kerajaan Malaysia, iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri; Pertubuhan masyarakat sivil dan pelakon yang berkhidmat untuk pelarian, pendatang, wanita, kanak-kanak dan belia*

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa penahanan anggota keluarga oleh pihak imigresen mempunyai kesan yang teruk dan besar terhadap wanita Rohingya, disebabkan kerentanan mereka. Tanpa status sah, wanita Rohingya menghadapi tiga kali ganda risiko keganasan - pertama, mereka berisiko ditangkap dan ditahan, kedua, mereka terdesak bekerja tidak formal yang meningkatkan risiko perkahwinan bawah umur dan pemerdagangan seks dan ketiga, mereka juga berisiko tinggi mengalami keganasan seksual dan berasaskan jantina dalam komuniti mereka, dan mempunyai sokongan yang terhad. Ini mendorong kerajaan untuk mengukuhkan dasar dan proses mereka ikut kesesuaian jantina untuk memastikan wanita Rohingya dan pelarian lain dilindungi.

Seperti yang digariskan di atas, wanita Rohingya menghadapi peningkatan risiko SGBV apabila pasangan mereka ditahan. Namun, disebabkan kekurangan status sah, mereka menghadapi halangan untuk mengakses mekanisme bantuan dan keadilan kerana takut ditangkap dan ditahan. Bagi menangani perkara ini, kerajaan Malaysia harus memastikan ‘gender mainstreaming’ dalam semua proses dan SOP berkaitan pelarian, terutamanya dari segi proses penangkapan dan penahanan untuk memastikan wanita pelarian yang mendapatkan bantuan untuk kes SGBV tidak ditangkap atau ditahan kerana status imigresen mereka. Khususnya, ini harus termasuk memansuhkan arahan yang memerlukan kakitangan kesihatan kerajaan melaporkan pesakit tanpa dokumen kepada imigresen, dan mewujudkan protokol yang menghalang polis daripada menangkap wanita pelarian yang melaporkan SGBV.

Usaha ini juga harus diikuti dengan latihan yang teguh dan responsif jantina kepada pegawai imigresen, polis, pegawai perubatan, hakim, dan majistret dan penjawat awam lain yang berkaitan untuk memastikan mereka bersedia untuk bertindak balas terhadap isu wanita pelarian dengan sensitiviti dan membantu ‘gender mainstreaming’ dalam pelaksanaan dasar dan proses imigresen. Selanjutnya, pihak kerajaan perlu mempertimbangkan peruntukkan sumber bagi memastikan jurubahasa tersedia untuk menyokong dan memudahkan akses wanita pelarian Rohingya ke atas mekanisme perlindungan Malaysia.

Kerajaan perlu terus melaksanakan cadangan Jawatankuasa CEDAW 2018<sup>132</sup> kepada Malaysia untuk membangunkan dan mengamalkan rangka kerja suaka negara yang komprehensif.<sup>133</sup>

“...Jawatankuasa itu mencadangkan supaya kerajaan negeri [...] Mengamalkan undang-undang dan prosedur suaka dan pelarian negara selaras dengan piawaian antarabangsa, untuk memastikan keperluan khusus wanita dan kanak-kanak perempuan ditangani dan menerima pakai prinsip ‘non-refoulement’.”

Rangka kerja suaka kebangsaan harus mengenal pasti dan melindungi pelarian dan pemohon suaka, memberi hak dan perlindungan khusus kepada pelarian Rohingya dan pelarian lain-lain bawah Akta Imigresen, termasuk hak untuk memohon suaka, dan prinsip ‘non-refoulement’.

Langkah-langkah ini akan menghapuskan halangan yang dihadapi oleh Rohingya dan wanita pelarian lain apabila meminta bantuan dalam kes SGBV, dan akan meningkatkan akses mereka kepada penjagaan kesihatan, bantuan undang-undang dan perkhidmatan lain, yang juga selaras dengan cadangan CEDAW selanjutnya.<sup>134</sup>

128 Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) (2022) [Rayuan MEF untuk Kelulusan Khas kepada Pekerja Pelarian dan Pekerja Asing Tidak Berdokumen untuk Mengurangkan Kekurangan Buruh yang Amat Meruncing](#)

129 Ibid.

130 U.S. Department of State (2022) [2022 Trafficking in Persons Report: Malaysia](#)

131 Committee on the Elimination of Discrimination against Women (CEDAW) (2018) [Concluding observations on the combined third to fifth periodic reports of Malaysia](#)

132 Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995

133 Committee on the Elimination of Discrimination against Women (CEDAW) (2018) [Concluding observations on the combined third to fifth periodic reports of Malaysia](#)

134 Ibid.





## Cadangan 7: Melibatkan Pelbagai Pihak di Semua Peringkat untuk Memastikan Penyelarasan dan Kerjasama yang Lebih Baik

*Pihak berkepentingan: Kerajaan Malaysia, Masyarakat Sivil, RLO, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan, Agensi PBB, Organisasi Serantau dan Antarabangsa, dan Sektor Swasta*

Tema konsisten yang muncul daripada kajian ini ialah kepentingan kerjasama antara pihak berkepentingan yang terlibat dalam usaha advokasi isu Rohingya dan memberi bantuan perlindungan. Peserta utama berkongsi tentang bagaimana pihak berkepentingan utama – pihak kerajaan, masyarakat sivil, organisasi yang dipimpin oleh pelarian, suruhanjaya hak asasi manusia kebangsaan, organisasi antarabangsa, sektor swasta – biasanya bekerja secara silo, tanpa kerjasama antara satu sama lain.<sup>135</sup>

Peserta utama menekankan kepentingan penglibatan dan peningkatan kesedaran di semua peringkat kerajaan - peringkat Menteri dan Ahli Parlimen (MP), penjawat awam dalam kementerian berkaitan yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar. Pihak berkuasa negeri dan tempatan, termasuk dari tahap pegawai peringkat daerah kepada Majlis Eksekutif negeri, ketua-ketua kerajaan negeri juga memainkan peranan penting dalam dasar berkaitan dengan Rohingya. Namun pemahaman tentang isu yang dihadapi oleh Rohingya adalah lemah, dan akibatnya, terdapat kekurangan empati terhadap cabaran yang mereka hadapi.

Terdapat banyak organisasi yang menyediakan perkhidmatan kepada Rohingya di negeri-negeri berbeza di seluruh Malaysia, daripada FBO hingga NGO, serta organisasi pimpinan Rohingya sendiri. NGO dan FBO yang ditemu bual untuk kajian ini menyatakan sentimen yang sama: bahawa mereka bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan Malaysia dalam dasar terhadap Rohingya. Walau bagaimanapun, ini memerlukan kerjasama semua pihak untuk mencari penyelesaian, dengan mengambil kira dan menghormati perspektif dan kepakaran yang berbeza antara satu sama lain.

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Polisi Pelarian di Malaysia serta Kumpulan Kerja mengenai ATD untuk Kanak-kanak adalah contoh inisiatif yang menghimpunkan kementerian kerajaan yang berbeza, Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan, dan masyarakat sivil untuk dialog dan kolaborasi rentas parti. Pada bulan Mac 2023, KRPPM bawah kerajaan baru ini dilaporkan telah dibentuk, bersama beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSSC), termasuk PSSC mengenai Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, PSSC mengenai Kesihatan, dan PSSC mengenai Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya, dan Pembaharuan Institusi. PSSC ini bertujuan untuk bertindak sebagai mekanisme semak dan imbang bagi kementerian dan dengan itu boleh terlibat secara strategik dalam isipenahanan imigresen.<sup>136</sup>

## Cadangan 8: Melabur dalam Meningkatkan Kesedaran Awam tentang Isu Pelarian

*Pihak berkepentingan: Kerajaan Malaysia, iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan; Masyarakat Sivil; FBO; Agensi PBB dan Organisasi Serantau dan Antarabangsa*

Kajian menunjukkan bahawa rakyat Malaysia tidak memahami realiti hidup pelarian, kerentanan mereka, dan “apa yang dimaksudkan untuk menjadi mangsa keganasan, menjadi pelarian sejak lahir”.<sup>137</sup> Peserta utama menekankan bahawa lebih banyak kerja perlu dilakukan untuk meningkatkan empati terhadap pelarian dan pengalaman mereka dengan orang ramai.

Kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang isu pelarian adalah rendah, dan majoriti orang ramai - yang membentuk populasi pengundi pilihan raya - sama ada ambivalen, mencurigakan atau memusuhi pelarian dan pemohon suaka. Pendapat umum mengenai pelarian telah menjadi isu politik. Seperti yang dilaporkan oleh NGO dan RLO, sesetengah ahli politik mungkin bersimpati terhadap Rohingya. Namun, tanpa sokongan orang ramai, mereka tidak mempunyai insentif untuk menangani isu ini. Peserta utama juga menekankan bahawa sesetengah ahli politik sering memainkan peranan dalam sebaran maklumat salah dan xenofobia terhadap pelarian, khususnya Rohingya untuk tujuan permainan politik mereka. Sebagai contoh, peserta utama menunjukkan salah satu taktik yang digunakan oleh ahli politik dan media ialah menyalahgunakan sesuatu insiden negatif yang melibatkan pelarian Rohingya untuk memburuk-burukkan seluruh komuniti Rohingya. Ini digunakan untuk menimbulkan kebencian dalam kalangan orang ramai dan kemudian sebagai justifikasi untuk tidak menerima Rohingya di Malaysia.

Oleh itu, menangani xenofobia dan diskriminasi yang berleluasa terhadap Rohingya adalah penting untuk mencapai perlindungan Rohingya. Orang ramai adalah pengundi – dasar tidak akan berubah secara ketara atau berterusan tanpa pendapat umum yang positif.

Kajian ini mencadangkan tiga inisiatif kritikal untuk penglibatan awam: a) langkah pertama untuk menangani xenofobia terhadap pelarian Rohingya adalah dengan membanteras maklumat salah tentang pelarian secara aktif; b) inisiatif perpaduan sosial yang meningkatkan pemahaman dan penerimaan antara masyarakat tempatan dan komuniti pelarian; dan c) penglibatan media dan pembinaan hubungan untuk menggalakkan laporan yang tepat dan progresif tentang pelarian. Inisiatif ini perlu melibatkan pelarian, dan memberi tumpuan kepada pengalaman mereka, dengan pertimbangan sewajarnya untuk keselamatan mereka.

135 Daniel T (2020) COVID-19 Highlights the Plight of Malaysia's Refugees East Asia Forum; South China Morning Post (2020) As Malaysia battles the coronavirus, its Rohingya refugees face a torrent of hate.

136 CodeBlue (2023) Health Gets Its Own Parliamentary Special Select Committee

137 Temu bual dengan Yayasan Geutanyoë, 10 Mac 2023

## Protecting Rohingya Refugees in Asia

– towards a coordinated regional approach

PRRIA Partners:



Funded by  
the European Union